

# BAB 2

( Konsep Kelahiran Menurut Perspektif Islam )

## BAB 2

### KONSEP KELAHIRAN MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

#### 2.1 Pendahuluan

Allah S.W.T telah menetapkan sunnahNya ke atas manusia bagi meneruskan zuriat mereka di alam ini dengan menetapkan pentas perkahwinan di kalangan mereka. Sehubungan dengan itu Allah S.W.T telah berfirman:

"وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَى مِنْكُمْ"

Maksudnya:

“ Kahwinkanlah orang-orang yang bersendiri di antara kamu ”.

(Sūrah al-Nūr (24): 32)

Mengikut kaedah usul fiqh, perintah itu menunjukkan suruhan samada melakukannya ataupun meninggalkannya.<sup>1</sup> Dalam konteks ayat di atas Allah menggesa hambaNya agar dapat melangsungkan perkahwinan di kalangan mereka. Sudah tentu, perkahwinan itu mempunyai faedahnya yang tersendiri. Di antara faedah atau hikmah berlangsungnya sesebuah perkahwinan itu ialah dengan harapan untuk memperolehi anak atau zuriat dan sekaligus menyambung warisan yang telah diamanahkan oleh Rasulullah S.A.W kepada umatnya sehingga ke hari qiamat.

<sup>1</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1989), *Usūl Fiqh al-Islāmī*, jld.1, cet.1.Damsyik: Dar al-Fikr,h. 45, Mustafa Syed Khin (2000), *Athārul al-Ikhtilāf Fi al-Qawāid al-Uṣūliyah Fi Ikhtilāf al-Fuqāhā*, cet.3. Beirut: Dar al-Mussasah,h. 138, Al-Amidi, Ali bin Saifuddin ,(t.t), *Al-Ihkām fī Usūl al-Ahkām*, jld.2, Beirut: Matbaah Subaih, h. 10.

## 2.2 Galakan Memperolehi Anak

Allah S.W.T yang Maha Bijaksana menggalakkan umat Islam agar berkahwin, beranak-pinak dan menuntut agar memperbanyakkan zuriat. <sup>2</sup>Firman Allah S.W.T :

فَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا كُتِبَ لَكُمْ  
Qalilun bishruوهن وابثعوا ما كتب الله لكم

Maksudnya :

“ Maka sekarang bersetubuhlah dengan mereka ( isteri-isteri kamu) dan carilah apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT bagi kamu.”

( Surāh al-Baqarah (2): 187 )

Justeru, dalam rangka merealisasikan Islam sebagai agama yang survival, maka Islam telah menggariskan jalan bagi penganutnya agar tidak melakukan sesuatu yang tidak berfaedah (tidak tentu arah). Sebagai contoh, Islam menggesa umatnya meramaikan zuriat keturunan melalui ikatan perkahwinan yang sah di sisi syara'. <sup>3</sup>Ini jelas dalam saranan Nabi Muhammad yang mahukan umatnya ramai lagi soleh. Dalam konteks ini, baginda menyebut di dalam beberapa hadīth, antaranya sabda Baginda Rasulullah:<sup>4</sup>

"نَرْوَجُونَ الْوَدُودَ الْوَلُودَ فَإِنِّي مُكَاذِرٌ بِكُمُ الْأَمَمْ "

Maksudnya:

“ Berkahwinlah kamu dan ramaikanlah anak, kerana aku berasa bangga mempunyai umat yang ramai.”

( Riwāyat Abū Dawūd dan al-Nasa'īy)

<sup>2</sup> Lihat al-Tabarī, 'Imādū al-Dīn bin Mohamad,(1981), *Ahkām al-Qurān*, jld.2 cet.2. Beirut: Dar al-Khutub al-'Imiyah, h. 169-170.

<sup>3</sup> Lihat al-Nawawī, Abi Zakaria Yahya Ibn Syarh, al-Imam (1987), *Sahīh Muslim bi Syarah al-Imām al-Nawawī*, jld.16, cet.2. Beirut : Dar al- Ghada' al-Arabi, h. 110.

<sup>4</sup> Al-Sajistānī, al-Imām al-Hāfiẓ, 'Abu Dawud Sulayman Ibn 'Asyaath Ibn Ishaq al-Azdy, ( 1988), *Sunan Abū Dawūd*, jld.6, Qaherah : Dar al-Hadith, no. hadith 2050, Nasa'īy, al-Imām al-Hāfiẓ 'Abd Rahman Syu'ib,(t.t), *Sunan al-Nas'īy bi Syar al-Hāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūtī Wa Hasyiyat al-Imām al-Sindī*, Qaherah: Maktabah al-Misriyyah bi al-Azhar, jld. 6, h. 60-66.

Setelah mengamati hadith di atas maka jelaslah bahawa untuk memperolehi anak dan zuriat merupakan dasar serta tujuan utama disyariatkan perkahwinan. Iaitu bagi mempertahankan keturunan manusia agar dunia ini tidak menjadi sunyi daripada pelbagai jenis manusia. Hakikatnya diciptakan nafsu syahwat seksual pada diri manusia adalah sebagai pembangkit dan pendorong dalam mencapai tujuan tersebut. Pihak lelaki diserahkan tugas menyediakan benih, sementara pihak wanita pula sebagai ladang yang sedia untuk ditanami. Justeru syahwat dalam diri mereka merupakan perasaan lembut dan halus yang mendorong mereka memperolehi anak melalui hubungan kelamin. Seperti halnya menebarkan biji-bijian yang disenangi burung-burung sebagai umpan yang mendorong mereka ke arah jala atau perangkap.

Penetapan berlakunya rangkaian zuriat melalui perkahwinan adalah merupakan suatu metod pendekatan diri kepada Allah S.W.T. Persoalan ini membuatkan orang-orang yang soleh merasa segan mengadap Allah S.W.T. dalam keadaan masih bujang.

Mendekatkan diri (*al-Taqarrub*) dalam hubungannya dengan upaya memperolehi anak meliputi empat aspek:

1. Mencari keredhaan Allah dengan memperolehi anak demi mempertahan kelangsungan jenis manusia.
2. Mencari *syafā'at* Rasulullah S.A.W dengan memperbanyakkan umat Baginda yang kelak pada hari Qiamat akan menjadi kebanggaan Baginda di antara umat-umat yang lain.
3. Mengharapkan berkat dari doa anak-anaknya yang soleh sepeninggalannya.

4. Mengharapkan *syafā'at* daripada anaknya apabila meninggal dunia sebelumnya, yakni ketika belum mencapai usia dewasa. Sebagaimana sabda Rasulullah dalam satu hadīth<sup>5</sup> :

إِنَّ الطَّفْلَ يَأْخُذُ بِتُوبَةِ أَبِيهِ كَمَا أَنَا الآن أَخْذُ بِتُوبَةِكَ

Yang bermaksud:

“ Seorang anak kecil akan menarik baju ayahnya seperti aku sedang menarik bajumu”

(Riwayat Muslim)

### 2.3 Makruh Membenci Anak Perempuan

Orang Islam tidak harus membenci anak perempuan. Mereka sepatutnya bergembira dengan anak yang dilahirkan samada lelaki ataupun perempuan kerana semuanya itu adalah kurniaan dan taqdir ilahi. Firman Allah S.W.T :

لِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ يَهُبُ لِمَنْ يَشَاءُ أَنْثِيَ وَيَهُبُ لِمَنْ يَشَاءُ

الْذُكُورَ، أَوْ يُزَوْجُهُمْ ذُكْرًا وَأُنْثًا، وَيَجْعَلُ مَنْ يَشَاءُ عَقِيمًا، إِنَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ.

Maksudnya:

“Bagi Allah S.W.T jualah hak milik segala yang ada di langit dan di bumi, Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya. Dia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Atau Dia mengurniakan kepada mereka kedua-duanya anak lelaki dan perempuan. Dan Dia juga menjadikan sesiapa yang Dia kehendakinya mandul. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui Lagi Maha Berkuaasa.”

( Surah al-Syūra(42): 49)

<sup>5</sup> Al-Munzirī, (1987), *Mukhtasar Sahīh Muslim*, Jld 2, cet.2. Mesir: Dar Khutub al-Halabi, no. hadith 2635.

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah S.W.T. telah menjadikan manusia di dalam empat keadaan.<sup>6</sup>

Pertama: Mereka yang dianugerahkan dengan anak perempuan sahaja.

Kedua: Mereka yang dianugerahi dengan anak lelaki sahaja.

Ketiga: Mereka yang dianugerahkan dengan anak perempuan dan anak lelaki.

Keempat: Mereka yang tidak dianugerahi seorang anak pun.

Justeru, semuanya itu adalah kurniaan Allah maka sudah tentu baik dalam semua keadaan, sebagai orang Islam wajiblah menyambut pemberian itu dengan redha, penuh rasa syukur serta tidak merasa gundah dan dukacita.

Dalam ayat lain Allah SWT telah menceritakan bagaimana kejamnya masyarakat Jahiliyyah yang sanggup menanam anak-anak perempuan mereka hidup-hidup kerana malu<sup>7</sup> dan ditambahi pula si isteri tersebut akan ditinggalkan oleh si suami kemudiannya.<sup>8</sup> Allah menjelaskan di dalam firmanNya yang bermaksud :

“ Dan apabila salah seorang daripada mereka diberi khabar dengan kelahiran anak perempuan, mukanya menjadi merah padam dan sangat marah. Ia bersembunyi dari masyarakat ramai kerana khabar buruk yang disampaikan itu, apakah anak perempuan itu akan dipelihara dengan menanggung malu atau dikuburkan hidup-hidup, alangkah kejamnya keputusan mereka.”

(Sūrah al-Nahl (16) : 58-59)

Ringkasnya bahawa benci kepada anak perempuan adalah sikap masyarakat Jahiliyyah yang sangat buruk kerana membenci pemberian Allah

<sup>6</sup> Ibu Kathīr, Ismāīl al-Quraisī (1991), *Tafsīr al-Qurān al-Āzīm*, jld.4, cet.2. Beirut: Dar-al-Fikr,h. 121.

<sup>7</sup> Al Qurtubi, al - Imām (1994), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*.jld.10, cet.1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, h.116.

<sup>8</sup> Al-Alusi, Syihabuddin Muhammad al-Baghdādī, (1989), *Ruh al-Ma'āni*, jld.14,cet.1.Beirut: Dar al-Kutubah-'Imiyah, m.s.168

kepada mereka. Kedatangan Islam kemudiannya membawa rahmat dan sinar baru kepada kaum wanita. <sup>9</sup>Dengan itu sabda Rasulullah S.A.W : <sup>10</sup>

عَنْ عَقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ الْجَهْنَمِيِّ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :

مَنْ كَانَ لَهُ ثَلَاثَ بَنَاتٍ فَصَبَرَ عَلَيْهِنَّ وَسَاقَهُنَّ مِنْ جَهَنَّمَ كُنْ لَهُ حَجَابًا

من النار.

Maksudnya:

“ Sesiapa yang ada tiga orang anak perempuan yang ianya bersabar menanggung makan minum dan pakaian daripada pencariannya maka mereka lah yang melindungnya daripada api neraka”.

(Riwayat al-Baihāqī)

## 2.4 Galakan Bergembira Dan Memberi Ucapan Tahniah Kepada Yang Dianugerahkan Anak

Adalah sunat bagi seseorang muslim menggembirakan saudaranya yang lain apabila dia mendapat seorang anak iaitu dengan mengucapkan tahniah serta menimbulkan perasaan sukacita di dalam hatinya seperti firman Allah:<sup>11</sup>

فَيُشَرِّتا هَا بِإِسْحَاقَ وَمَنْ وَرَاءَ إِسْحَاقَ يَعْقُوبَ " "

Maksudnya:

“ Lalu kami memberi khabar gembira kepadanya, dengan kehadiran Ishaq kemudian selepasnya Ya’qūb.”

(Surah Hūd (11) : 71)

<sup>9</sup> Al-Nawawi, *Op.cit.*, jld.16,no.hadith 2631.

<sup>10</sup> Lihat al-Baihāqī al-Hāfiẓ Abi Bakr Ahmad bin Husien, al-Sya’ab, Syria: Haidar al-‘Abd, Bab Iman, no.hadith 8681, ‘Abdul Karim Zaidān, (1993), *Mufassal Fi Akhāk al-Mara’ah*, jld.9, Beirut: Mu’assasat al-Risalat, hlm. 269.

<sup>11</sup> Lihat al-Qurān: Sūrah Sāffāt ( 38):yat 101, al-Zāriyāt (51): ayat 28, al-Hijr (15):yat 51-56 dan Maryam (19):yat 7.

Menurut al-Qurtubī<sup>12</sup> kedatangan malaikat Jibrīl kepada Nabi Ibrāhīm ialah sebagai tanda menyampaikan khabar gembira dengan bakal kelahiran anaknya Ishāq dan Ya'qūb daripada isterinya Sārah.

Sebagai agama yang menitikberatkan nilai-nilai murni di dalam kehidupan sehari-hari. Agama Islam menggalakkan umatnya agar mengucapkan tahniah terutama kepada saudara seagama setelah mereka menerima kurniaan dan nikmat daripada Allah S.W.T. Sikap sedemikin dapat menanam kesedaran dan perasaan tanggungjawab sesama mukmin. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada sirah Rasulullah di saat kelahiran Baginda.<sup>13</sup>

Melahirkan rasa gembira serta ucapan tahniah patut meliputi setiap anak yang dilahirkan samada lelaki ataupun perempuan. Sebagai umat Islam sepatutnya kita menghidupkan sunnah yang mulia ini supaya dengannya hubungan di antara sesama mukmin akan menjadi lebih rapat dan erat lagi.

Oleh itu, mereka yang mendapat anak perlulah diberi ucapan tahniah iaitu dengan kata-kata:<sup>14</sup>

بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي الْمَوْهُنْبِ لَكَ وَشَكَرْتُ الْوَاهِبَ وَبَلَغَ أَشْدَهُ وَرَزَقْتَ بِرَءَةً

Ertinya:

Semoga Allah memberikan berkat bagimu tentang anak yang diberikan bagimu. Aku juga bersyukur kepada Yang Maha Memberi semoga anak itu sampai dewasa dan engkau mendapat kebaikanya.

Manakala mereka yang menerima ucapan sunat menjawab:

<sup>12</sup> Al-Qurtubī, *Op.cit*, Juz.17,h. 46

<sup>13</sup> Lihat Ibn Hajar al-'Asqalānī ( 1995), *Fath al-Bārī Syarah Sahīh al-Bukhārī*, jld.9, cet.1.

Qaherah: Dar al-Riyan li al-Thurath, no.hadīth 2418, Al-Nawawi, *Op.cit*, no.hadith 2769.

<sup>14</sup> Al-Nawāwī, Mahyuddin Abi Zakaria Yahya Ibn Syarf,(1990), *Al-Azkar Muntakhabat Min Kalām Sayyidi al-Anwār*, Cet.1.Berut: Dar al-Khair, h. 349.

بَارَكَ اللَّهُ لَكَ وَبَارَكَ عَلَيْكَ وَجَرَّاكَ اللَّهُ خَيْرًا .

Ertinya:

Semoga Allah memberi berkat bagimu, semoga dia membalaas kebaikanmu.

## 2.5 Perkara-Perkara Sunat Di Hari Pertama Kelahiran

### 2.5.1 Azan Dan Iqamah

Pada setiap kelahiran bayi, Islam menganjurkan umatnya agar segera memperdengarkan azān dengan suara yang rendah di telinga kanan dan *iqāmah* di telinga kiri<sup>15</sup>. Hal sedemikian telah diriwayatkan oleh Abū Dawūd dan Tirmidhzi<sup>16</sup> melalui oleh Abī Rafī' dengan mafhumnya:

“Saya telah melihat Rasulullah S.A.W. melafazkan azān ke telinga Hassan bin Ali sebaik sahaja Fatimah melahirkannya.”

(Riwayat Abū Dawūd dan al-Tirmidhzi)<sup>17</sup>

Sabda Rasulullah lagi :

مَنْ وُلِدَ لَهُ مَوْلُودٌ فَلَدَنَ فِي أَذْنِهِ الْيُمْتَنِى وَأَقَامَ فِي أَذْنِهِ الْيُسْرَى لَمْ تُضِرْهُ أُمُّ الصَّبَيَانَ

Maksudnya :

‘Sesiapa yang dikurniakan cahayamata dan diazankan pada telinga kanannya dan *iqāmah* pada telinga kirinya, nescaya dia tidak akan mendapat apa-apa mudarat dari “Ummu al-Sibyān”<sup>18</sup>.

(Riwayat al-Baihaqī)

<sup>15</sup> Ibid m.s. 345, ‘Abd Allah Nāṣīḥ ‘Ulwān, (1893), *Tarbiyat Awlād Fi-l-Islām*, Juz 1, Beirut : Dar al Salam, h. 69.

<sup>16</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhamad Ibn Abi Bakr, (1983), *Tuhfah al-Mawdūd Bi-Ahkām al-Mawdūd*, al-Qaherah: al-Maktab al-Thaqafi Lil -al-Nasr Waal-Tanzi, h. 21.

<sup>17</sup> Lihat Sajistani, al-Imām al-Hāfiẓ Abū Dawūd Sulaymān (1988), *Sunan Abū Dawūd*, Qaherah: Dar al-Hadith, no.hadith 5105, Tirmidhzi, *Sunan al-Tirmidhzi*, c.1.Madinat al-Munawwarah, no.hadith 1514.

<sup>18</sup> Al-Baihaqī, *Op.cit.*, no. Hadith 8619, ‘Abd Allah Nāṣīḥ ‘Ulwān, *Op.cit.*, h .88. Al-Nawawi, *al-Azkar*, *Op.cit.*, h. 346

1. Perkataan yang pertama didengari oleh bayi ialah kalimah Allah yang Maha Tinggi dan Maha Agung. Yang mana ianya diibaratkan seperti *syahādah* yang menjadi tanda kemasukan seorang anak ke dalam Islam.<sup>19</sup> Ianya juga boleh diumpamakan *talkīn* untuk mengajarnya semasa ia baru dilahirkan ke dunia sebagaimana ia akan ditalkinkan dengan kata-kata tauhid sewaktu dia meninggalkan dunia ini.
2. Selain itu azān dan *iqāmah* dapat menghindarkan diri bayi tersebut daripada gangguan-gangguan syaitan kepada kanak-kanak, antaranya ialah “*Ummu Sibyān*”. Yang jelasnya, syaitan akan lari apabila mendengar azan yang memang sebelumnya ia menunggu sehingga waktu kelahiran bayi tersebut.<sup>20</sup>
3. Pakar *psikologist* menjadikan bunyi sebagai salah satu elemen yang boleh dan cepat memberi rangsangan kepada bayi. Justeru, azan dan *iqamah* merupakan bunyi yang menjurus kepada panggilan ke arah agama Allah serta beribadat kepada-Nya akan mendahului panggilan syaitan. Dengan kata lain memanggil bayi kepada tabiat semula jadi manusia akan mendahului kesan-kesan perubahan yang boleh dilakukan oleh syaitan .
4. Kalimah azan juga dapat diertikan sebagai seruan dakwah kepada mentauhidkan Allah dan tidak kepada selain daripada-Nya.
5. Sebagai ingatan kembali kepada anak tentang perjanjian yang pernah diikatnya dengan Allah diwaktu alam roh berdasarkan keterangan ayat al-Quran, sebelum roh manusia itu ditiupkan ke dalam jasadnya, roh

<sup>19</sup> *Ibid*, h. 89.

<sup>20</sup> Ibn.Qayyim,*Op.cit.*,h. 88, Al- Dahlawi, ‘Abd.Allah ‘Abd. Rahim,(1984), *Hujjat Allah al-Bālighat*, Tahqiq: Syed Sabiq,jld.2,cet.2. Qaherah : Dar Kutub al-Hadith,h. 729.

5. Sebagai ingatan kembali kepada anak tentang perjanjian yang pernah diikatnya dengan Allah diwaktu alam roh berdasarkan keterangan ayat al-Qurān, sebelum roh manusia itu ditiupkan ke dalam jasadnya, roh sudah diajak oleh Allah mengadakan satu perjanjian dengan cara berdialog. Hal ini sesuai dengan firman Allah :

"وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ وَأَشَهَدَهُمْ عَلَىٰ  
أَنفُسِهِمْ أَلَسْتَ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلِّي شَهَدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَنَا كُلُّ  
عَنْ هَذَا غَافِلُونَ"

Maksudnya:

"Dan ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak Adam dari tulang punggungnya dan Tuhan mengambil kesaksian dari mereka sendiri, FirmanNya: Bukankah Aku ini Tuhanmu? Mereka (roh manusia) menjawab : Benar! Kami telah menyaksikan. Nanti di hari Qiāmat agar kamu tidak mengatakan : Bahawa kami lalai terhadap hal ini".

( Surah al-A'raf (7): 172)

Walaupun ada ulama'-ulama' hadith seperti Ibn Hajar,<sup>21</sup> al-Zahabi<sup>22</sup> dan al-Baihaqi<sup>23</sup> yang mempertikaikan kehujahan hadith yang membolehkan azān di telinga bayi namun ada ulama'-ulama' fiqh yang memperakui amalan tersebut antaranya seperti Ibn Qayyim<sup>24</sup>, Imam al-Nawawi<sup>25</sup> Abdul Karim Zaidan<sup>26</sup>, dan Salim Aliy Rasyid al-Syubly<sup>27</sup>.

<sup>21</sup> Lihat Al-'Asqalani, Imam Ahmad Ibn Hajar, (1988), *Taqrib al-Tahzib*, Syria: Dar al-Rasyid, h. 192.

<sup>22</sup> Lihat al-Zahabi, Muhammad bin Husien, (1968), *Kitab al-Mizan*, cet.2. al-Qaherat: Dar al-Kutub al-Hadith, h. 76.

<sup>23</sup> Lihat al-Baihaqi, al-Hafiz Abi Bakr Ahmad bin Husien, *al-Sya'ab*, Syria: Haidar al-'Abd, no.hadith 8619.

<sup>24</sup> Ibn Qayyim, *Tuhfat al-Mawlid*, Op.cit., h. 20.

<sup>25</sup> Al Nawawi, *al-Azkar*, Op.cit, 345.

<sup>26</sup> Abdul Karim Zaidan, *Muffassal Fi Ahkam al-Mara'ah*, Op.cit., h. 273.

<sup>27</sup> Al-Syubly,Salim Aliy al-Rasyid. (1999), *Hukum menyambut Kelahiran Zuriat menurut Suuah Rasulullah S.A.W..serta perkara bid'ah tentang kelahiran*, Nordin Pandi, (terj.) cet.1. Kuala Lumpur:Jasmin Enterprise, h. 25.

## 2.5.2 *Bertahnik*

*Tahnik* ( تَهْنِك ) dari segi bahasa berasal dari kata dasar *hanaka* ( حَنَكَ ) iaitu langit-langit di dalam mulut,<sup>28</sup> mulut di bahagian atas.<sup>29</sup> Manakala dari segi syara' pula ialah mengunyah sesuatu makanan kemudian meletakkannya ke mulut bayi.<sup>30</sup> Dengan kata lain ianya bermaksud mengunyah sebiji tamar atau apa-apa benda yang manis dan mengambil sebahagian darinya di atas hujung jari, lalu memasukkannya ke dalam mulut bayi dan menggosokkan ke kiri dan kanan mulut dengan gerakan yang lembut sehingga kurma yang telah dikunyah itu sampai ke seluruh bahagian dalam mulut bayi tersebut.<sup>31</sup>

Mengikut kajian saintifik bahawa perbuatan memasukkan makanan yang manis ke dalam mulut tersebut boleh menguatkan urat-urat mulut dengan gerakan lidah semasa melakukan tahnik dan menggosokkan gusi bagi menyediakan bayi itu untuk menghisap susu ibunya dengan secara tabie dan kuat.<sup>32</sup>

Orang yang diutamakan di dalam melakukan *tahnik* ialah dilakukan oleh orang yang mulia, soleh dan berilmu serta mendoakan bayi tersebut agar

<sup>28</sup> Asyraf Taha Abu al-Dahab, (2002), *al-Mu'jam al-Islāmī Fī al-Jawānib al-Diniyyah wal al-Sīasiyyah wa al-Ijtīmāiyah, wa-lqtiashādīyah*, cet.1. Qaherah; Dar al-Syuruq. h.236, Muhamad Idris Abdul Raof al-Marbawi (t.t), *Kamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu*, jld.1, Mesir:Dar al-Fikr, h. 153.

<sup>29</sup> Al-Misri, Nasy'at, (1989), *Menyambut kedatangan Bayi*, Syarikat S. Abdil Majeed, h. 30.

<sup>30</sup> Al-'Asqalāni, *Fath al-Bārī*, Op.cit., jld.9, h. 589, 'Abdul Karīm Zaidān, *Mufassal fi Ahkām al-Mara'ah*, Op.cit.h. 276.

<sup>31</sup> Al-Nawawi, *Al-Azkar*, Op.cit., h. 346.

<sup>32</sup> Al-'Asqalāni, *Fath al-Bārī*, Op.cit., jld.9, h. 587.

memperolehi keberkatan kepada si anak.<sup>33</sup> dan mengikut kesolehan serta ketaqwaannya.<sup>34</sup>

Antara hadīth yang menerangkan tentang amalan *bertahnik* ini ialah:

Daripada Abū Mūsā al-Asy'ārī berkata:

“ Aku baru sahaja dikurniakan seorang anak, lalu aku membawanya menemui Nabi Muhamad S.A.W. Baginda menamakannya Ibrahim kemudian mengunyah buah tamar hingga lumat dan meletakkan kunyahan tersebut ke mulut anakku serta mendoakan keberkatannya padanya. Setelah itu Baginda menyerahkannya kembali kepadaku.”<sup>35</sup>

(Riwāyat Bukhārī dan Muslim)

Daripada hadīth-hadīth tersebut maka jelaslah kepada kita, bahawa *bertahnik* merupakan salah satu daripada sunnah Rasulullah S.A.W<sup>36</sup> yang khusus dan seharusnya kita menjadikannya satu amalan dalam kehidupan ketika setiap kali menyambut kelahiran. Ini dikuatkan pula dengan kata-kata Imām Nawawi<sup>37</sup> bahawa *bertahnik* itu adalah sunat mengikut ijma' ulama'. Bahkan amalan *bertahnik* dengan tamar ialah sunnah Rasulullah S.A.W yang pernah diamalkan terhadap anak Abū Mūsā (Ibrahim), anak Zubair (Abdullah) dan anak Abū Talhah (Abdullah). Sebaik-baik amalan *tahnik* itu dilakukan dengan buah tamar tanpa mengantikannya dengan yang lain.

<sup>33</sup> Al-'Aini, Badr al-Din Abu Muhammad Ibn Ahmad, (t.t), *Umdah al-Qari*, Syarah al-Bukhārī, Jld.2, al-Qaherah: Dar al-Fikr, h. 84.

<sup>34</sup> 'Abdul Karim Zaidan, *Tarbiatul al-Awlād*, Op.cit., h. 6, Al-Sun'ani, Muhammad Ibn Ismail, (1989), *Subul al-Salām* Syarah fi Bulugh al-Marām, jld.4, Beirut: Maktabah Dar al-Hayat, h. 136.

<sup>35</sup> Al-'Asqalāni, al-Fath, Op.cit, no.hadith 6198, Al-Nawawi, *Sahīh Muslim*, Op.cit, jld 14, no.hadith 2145.

<sup>36</sup> Ibid

<sup>37</sup> Al-Nawawi ,Syarah Muslim, Op.cit., jld.14, h. 124.

### 2.5.3 Hikmah *Tahnīk*

Dalam menunjukkan kelebihan dan hikmat melakukan upacara *tahnīk* tersebut Imām al-‘Aini menyebut :<sup>38</sup>

“Jika anda bertanya hikmah tahnik? Aku menjawab,“ Sesetengah mereka mengamalkannya kepada anak yang baru lahir. Caranya ialah dengan memamahkan buah tamar ke dalam mulut bayi tersebut. “Wahai Maha Suci Allah” adalah sebaik-baik ucapan tasbih.”

Oleh itu waktu yang paling sesuai untuk *bertahnīk* ialah ketika anak itu baru lahir.

Walaupun *tahnīk* ini masih dipertikaikan oleh segolongan ulama, namun tidak dapat dinafikan terdapat beberapa hikmah disebaliknya. Di antaranya ialah:

1. Anak itu akan bersikap lebih optimis terhadap perkara-perkara keimanan sebagaimana maksud hadīth Rasulullah S.A.W yang menyamakan buah tamar, rasa dan pohnnya laksana orang mukmin.
2. Terdapatnya percampuran air liur bagi orang yang bertahnik seperti orang yang berilmu, ulama dan para solihin ketika mengunyah buah tamar yang menjadi santapan si bayi tersebut ketika majlis tahnik berlangsung. Ini terjadi kepada mereka yang ditahnikkan oleh Rasulullah pada ketika bayi seperti Abdullah bin Zubir sehingga pernah dikatakan kepadanya bahawa beliau mempunyai sifat terpuji dan beberapa kelebihan yang sukar diceritakan. Di antaranya ialah, beliau dapat membaca al-Qurān

---

<sup>38</sup> ‘Aini, *Op.cit*, h.85

dengan bacaan yang baik serta cintakan kepada kebaikan . Hal ini disebabkan keberkatan air liur Rasulullah S.A.W.<sup>39</sup>

Hal ini tidak dapat dinafikan lagi kerana ianya pernah diakui oleh para doktor bahawa tahnik mempunyai faedah yang besar, iaitu memindahkan sebahagian bakteria-bakteria di dalam usus untuk membantu penghadaman.<sup>40</sup>

## 2.6 Perkara-Perkara Sunat Di Hari Ke-Tujuh Kelahiran

### 2.6.1 Aqiqah (*Nasikh*)

#### 2.6.1.a Pengertian Aqiqah

*Aqiqah* (عقيقة) mengikut pengertian bahasa terbahagi kepada tiga :

*Pertama* : Ianya memberi erti rambut yang tumbuh di kepala bayi yang dilahirkan.<sup>41</sup>

*Kedua* : *Aqiqah* bermaksud penyembelihan<sup>42</sup> atau memutuskan.<sup>43</sup>

*Ketiga* : *Aqiqah* merangkumi kedua-dua pendapat.<sup>44</sup>

Manakala dari segi syarak pula ialah menyembelih seekor kambing untuk anak yang baru lahir pada hari ketujuh kelahirannya.<sup>45</sup> Kenyataan ini disokong oleh ‘Ubaid, Asmu’iy dan Zamakhsyari.<sup>46</sup>

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Al-Syublī, *Op.cit.*, h. 20.

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 28.

<sup>42</sup> Ibn Kathīr, Ismail, ( 1992), *al-Bidayah wa al-Nihāyah*, jld.3, Beirut: Dar al-Fikr, h. 276, Idris al-Marbawi, *Op.cit.*, h. 34, al-Asqalānī, *al-fath*, *Op.cit.*, jld.9, h. 587.

<sup>43</sup> Husain Barakat Dan Salwa Muhammad Abdul Wahab, ( 1993), *Mausū’atul Al-Asmā’*, cet.2. al-Qaherah: Dar al-Amin, h. 10.

<sup>44</sup> Ibn Qayyim, *Tuhfat*, *Op.cit.*, h. 78, Asyraf Taha Abu Dahab, *Op.cit.*, h. 410.

<sup>45</sup> Suhir Abdel Moni’m (1991), *Menyambut Kelahiran Bayi: Sikap dan Peranan Ibu Bapa*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 269.

<sup>46</sup> Ibn Hazm, Imām al-Jalil Abi Muhammad Ali bin Ahmad bin Said bin Hazm, (t.t), *al-Muhallā*, jld. 7, al-Qaherah:Dar al-Fikr,h. 523, Al-Asqalānī, *al-Fath*, *Op.cit.*, jld.7, h. 586.

Di antara dalil yang menunjukkan pensyariatan *aqiqah* adalah seperti Sabda Rasūlullah S.A.W :<sup>47</sup>

مَعَ الْغَلَامِ عَقِيقَةٌ، فَأَهْرَفُوا عَنْهُ دَمًا، وَأَمْيَطُوا عَنْهُ الْأَذْنِ

Maksudnya :

“Bagi setiap anak, “*aqiqah*”, sembelihan baginya seekor kambing bagi menjauhkan kemudaratan darinya”.

( Riwayat al-Bukhārī)

#### 2.6.1.b. *Hukum Aqiqah*

Dalam menentukan hukum terhadap amalan *aqiqah* ini ulama telah membahagikannya kepada tiga pendapat :

Pertama: *Sunat dan digalakkan.*

Di antara mereka ialah Imām Mālik,<sup>48</sup> ahli Madinah<sup>49</sup>, Imām Syafī’ī dan sahabatnya, Imām Ahmad, Ishāq, Abū Thūr dan ramai lagi daripada kalangan ahli-ahli ilmuan fiqh dan ijtihad<sup>50</sup> berdasarkan kepada *mafhūm* hadīth:<sup>51</sup>

“Sesiapa mendapat cahaya mata dan ingin beribadat bagi pihaknya, bolehlah ia berbuat demikian.”

(Riwayat Abū Dawūd)

<sup>47</sup> Lihat Mālik bin Anas, (1987), *al-Muwatta’ li Imām Mālik*, Tahqiq Abdal-Wahab ‘Abd latif, juz 2,cet.1.Qaherah: Lujnaj ‘Ihya al-Thurath, h. 502.

<sup>48</sup> Lihat al-Bukhārī, *Op.cit*, no.hadith 5471, Anas bin Malik, *Op.cit*, h. 502.

<sup>49</sup> Ibn Qudamah al-Muqdisī,(t.t ), *al-Mughnī*, jld. 8, Mesir: Maktabah al-Jumhuriyah, h. 644.

<sup>50</sup> Abdul Karīm Zaidān, (1993), *Muffassal fī Aḥkām al-Mar’ah Wal Baitul al-Muslim*, jld..7,Beirut: Muassah al-Risalah, h. 299.

<sup>51</sup> Lihat Abū Dawūd,*Op.cit*, no.hadith 2836, Ibn al-Qayyim, *Op.cit.*, h. 45.

Kedua : *Wajib dan mesti dilakukan.*

Ini adalah pendapat Imām Hassan al-Basri, Ibn Hazm al-Zahiri<sup>52</sup> dan lain-lain yang berdasarkan kepada *mafhūm* hadīth Rasūlullah<sup>53</sup>:

كُلُّ غَلَامٍ مُرْتَهِنٌ بِعَيْقَنِهِ

Maksudnya :

“ Setiap anak terikat dengan aqiqahnya.”

( Riwayat Tirmidhī )

Berdasarkan *mafhūm* hadīth inilah mereka berpendapat bahawa *aqiqah* itu wajib kerana setiap anak akan dihalang daripada menjadi *syafā'at* kepada kedua ibu bapanya sehingga mereka melakukan *aqiqah* kepadanya.

Ketiga : *Aqiqah bukan daripada syariat Islam.*

Pendapat ini dipelopori oleh para fuqahā' mazhab Hanafi yang berdasarkan kepada apa yang dikhabarkan oleh al-Hassan bin Alī, apabila ibunya Fatimah r.a.mahu membuat *aqiqah* baginya dengan dua ekor kambing kibas. Maka Rasūlullah S.A.W bersabda:

"لَا تُعَقِّبُ وَلَكِنْ احْتَقِي رَأْسَةً قَصْدَقَى بِوَزْنِهِ مِنَ الورقة"

Maksudnya:

“ Janganlah kamu lakukan aqiqah akan tetapi cukurlah rambut di kepalanya. Kemudian bersedekahlah mengikut timbangan seberat timbangan perak”<sup>54</sup>

(Riwayat al-Bukhārī, al-Baihaqī dan Abū Dawūd)

<sup>52</sup> Ibn Hazm, *al-Muhallā*, *Op.cit.*, jld.7, h. 543.

<sup>53</sup> Al-Tirmidhī, *Op.cit.*, no.hadith 1522.

<sup>54</sup> Al-'Asqalānī, al-Fath, *Op.cit.*, no.hadith 5472, h. 590, Al-Baihaqī, Imam Hafiz Abi Bakar Ahmad Ibn Husain Ibn Ali,(t.t), *Sunan al-Kubra*, jld.9, Beirut: Dar al-Makrifat, h. 299, Abu Dawūd, *Sunan Abī Dawūd*, *Op.cit.*, jld.8, no.hadith 3967.

2.6.1.c. *Haiwan Untuk Aqiqah*

Menurut *ijmā'* ulama' pula mereka tidak membataskan haiwan *aqiqah* hanya untuk kambing dan kibas sahaja bahkan membolehkan haiwan *aqiqah* sepetimana haiwan untuk korban walaupun di sana ada pendapat-pendapat yang mensyaratkan haiwan *aqiqah* hanyalah kambing<sup>55</sup> dan yang selainnya tidak diterima.<sup>56</sup> Disamping itu, *jumhūr ulamā'* meletakkan bahawa syarat umur haiwan yang dipilih untuk melakukan *aqiqah* sesuai dengan haiwan yang dipilih seperti,

- a. Unta 5 tahun dan masuk tahun ke 6.
- b. Lembu atau kerbau berumur 2 tahun dan masuk tahun ke 3.
- c. Kambing atau biri-biri berumur 2 tahun atau telah bersalin gigi.
- d. Kibas berumur 1 tahun atau bersalin gigi.

Haiwan yang dipilih juga diisyaratkan tidak ada sebarang kecacatan, gemuk dan cukup umur sebagaimana binatang korban. Boleh diaqiqahkan samada bintang tersebut jantan atau betina tetapi yang jantan adalah terlebih baik.<sup>57</sup> Daging sembelihan *aqiqah* sunat disedekahkan setelah dimasak dengan masakan yang sedikit manis dan tidak pedas. Ini berlainan dengan daging korban yang sunat disedekahkan ketika masih mentah.

Namun, suatu perkara yang perlu diperhatikan di dalam menguruskan daging *aqiqah* ini, tidak sepatutnya kita memecahkan tulang-tulangnya. Adalah sayugia memotongnya dengan mengikut sendi-sendinya sahaja.<sup>58</sup> Sesuai dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dawūd iaitu ketika Fatimah binti Muhammad

<sup>55</sup> Al-'Asqalāñī, *Op.cit.*, jld. 9, h. 593.

<sup>56</sup> Lihat al-Hākim,Abu Abdullah Muhammad Ibn Abdullah,(t.t), *Al-Mustadrak Lil Hākim*, jld.4, Al-Riyad: Maktabah al-Nasru al-Hadith, h. 239

<sup>57</sup> Al-Qudāmah, Imām Abi Muhammad Abdullah Ibn Ahmad al-Muqiddasi,(t.t), *Mughnī Ma'a Syarh al-Kabīr*, jld. 8, al-Misr: Maktabah al-Jumhuriyah al-Arabiat, h. 645.

<sup>58</sup> *Ibid.*

mengadakan *aqiqah* anaknya Hassan dan Husain, maka Rasūlullah S.A.W. bersabda :<sup>59</sup>

" وَكُلُوا وَأَطْعِمُوا وَلَا تُكْسِرُوا مِنْهَا عِظَامًا "

Maksudnya:

" Makan dan jamulah seleramu, tetapi janganlah kamu memecahkan tulangnya."

( Riwayat al-Baihaqi )

Sebenarnya amalan sedemikian mempunyai banyak faedah dan di antaranya ialah:

1. Menunjukkan kemulian makanan atau pengorbanan ini terhadap jiwa faqir-faqir serta jiran-jiran dengan menghidangkan ketulan-ketulan yang lengkap serta besar yang tidak dipatahkan sesuatu sesuatu tulang pun daripada tulang-tulangnya dan tidak menanggalkan sedikit daging daripada anggota-anggotanya. Tindakan sedemikian ini tidak syak lagi merupakan suatu tanda yang amat jelas tentang kemurahan hati dan sifat pemberi di dalam sanubari para penerima.
2. Amalan tidak mematahkan tulang boleh dijadikan suatu tanda yang optimis bagi keselamatan anggota-anggota anak yang baru lahir, kesihatan serta kekuatan. Ini memandangkan *aqiqah* adalah sebagai korban bagi anak yang baru dilahirkan dalam konteks hubungan ikatan yang

<sup>59</sup> Lihat al-Baihaqi, *Op.cit*, jld.9, h. 302.

ikhlas dengan Allah. Justeru, ketika menyembelih *aqiqah* kita disuruh menyebut nama anak yang baru lahir. Seperti

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ هَذِهِ الْعَقِيقَةُ فَلَانْ

“ Dengan nama Allah ,Ya Allah Ya Tuhan, bagi Mu dan kepadaMU aqiqah si pulan ini.<sup>60</sup>

(Riwāyat al-Baihaqī)

#### 2.6.1.d. *Waktu Penyembelihan*

Terdapat beberapa hadīth menyatakan bahawa waktu penyembelihan yang paling sesuai adalah pada hari ke tujuh kelahiran.<sup>61</sup> Penyembelihan *aqiqah* pada hari ketujuh dari hari kelahiran ini merupakan amalan ahli ilmuan seperti Ibn Hazm.<sup>62</sup> Walaupun begitu, Imam Ahmad bin Hambal berpendapat, penyembelihan *aqiqah* sunat dilakukan pada hari ketujuh, jika tidak dapat maka pada hari yang keempat belas, jika tidak dapat juga maka lakukanlah pada hari ke dua puluh satu. Namun, ada juga ulama yang berpendapat bahawa jika pada hari-hari tersebut belum juga dapat dilakukan penyembelihan, maka penyembelihan dapat dilakukan pada hari-hari lain yang memungkinkan untuk melakukannya.<sup>63</sup>

#### 2.6.1.e. *Keharusan Orang Lain Menyelenggarakan Penyembelihan*

Selain wali kepada anak, orang lain juga boleh mengantikannya untuk melakukan dan menyelenggarakan penyembelihan. Di dalam hal ini, Imam al-

<sup>60</sup> Lihat al-Baihaqī, *Op.cit.*, jld.9, h. 303.

<sup>61</sup> Lihat Ibn Hazm, *Op.cit.*, jld 7,h. 523..

<sup>62</sup> Al-Tarmizi<sup>ī</sup>, Imam Muhammad Ibn Isa Ibn Surah, (1962), *al-Jami<sup>ī</sup> al-Sahīh*,cet.1. al-Misr: al-Halabi, h. 115.

<sup>63</sup> Ibn Qudamah,*Op.cit.*, h. 614.

Syawkānī memperjelaskan bahawa diharuskan kepada lain selain daripada wali seperti kaum kerabat atau orang lain untuk menyelenggarakan *aqiqah*. Di mana perbuatan Rasulullah S.A.W. mengaqiqahkan kambing untuk kedua cucunya Hassan dan Husain menjadi dalil yang cukup kuat tentang permasalahan ini.<sup>64</sup>

#### 2.6.1.f. *Kenduri Aqiqah*

Walaupun tidak terdapat *hadith marfu'* daripada Nabi Muhammad S.A.W. tentang kenduri *aqiqah*. Namun terdapat beberapa riwayat daripada para sahabat menyebut bahawa pernah diadakan kenduri *aqiqah* pada zaman selepas kewafatan Rasulullah. Antaranya<sup>65</sup> daripada Mu'awiyah bin Qurah berkata:

“ Takala Ilyas dilahirkan, aku mengundang beberapa sahabat datang ke rumahku kerana mengadakan kenduri. Sempena kehadiran mereka aku berkata, “Kamu sekalian memenuhi jemputan majlis yang mulia ini dan semoga kamu mendapat keberkatan daripadaNya. Aku meminta kamu sekalian mengaminkan ketika aku berdoa untuk agama anakku dan kecerdasan akal Ilyas. Itulah niatku mengundang dan menjamu selera di rumahku dan memberitahu kamu satu doa yang khusus buat anakku Ilyas dalam majlis yang penuh berkat ini.”<sup>66</sup>

Justeru, Imām Syafi'i menganggap bahawa menunaikan majlis kenduri *aqiqah* adalah tuntutan *syara'*. Mereka yang diundang ke majlis tersebut wajib hadir.<sup>67</sup>

#### 2.6.1.g. *Bilangan Binatang Aqiqah*

Islam mensyariatkan bilangan binatang untuk diaqiqahkan. Justeru, di dalam menentukan bilangan binatang untuk diqiqahkan maka para ulama' dan *mujtahid* berselisih, ada yang mengatakan bahawa dua ekor binatang bagi yang

<sup>64</sup> Al-Syawkānī, Muhammad Ibn Ali, (1985), *Nail al- Awīr*, jld. 5, al-Mesr: Maktabah al-Mustafa al-Halabi, h. 155.

<sup>65</sup> Ibid, Sila lihat hadīth yang diriwayatkan oleh Bilāl bin Ka'ab.

<sup>66</sup> Al-Bukhārī, (1405H), *al-Adab al- Mufrād*, cet.2. Beirut: Alimul al-Kutub, h. 245.

<sup>67</sup> Al-Syafi'i, Imam Muhammad Ibn Idris (t.t), *al-Umm*, jld.8, Beirut: al-Sya'abi, h. 157.

kanak-kanak lelaki dan seekor bagi kanak-kanak perempuan<sup>68</sup> dan hanya seekor kambing untuk anak lelaki mahupun perempuan.<sup>69</sup>

Namun, pendapat yang paling baik bagi mereka yang berkemampuan eloklah beraqiqah dengan dua ekor kambing bagi anak lelaki dan seekor bagi anak perempuan mengikut ápa yang telah sabit dari Rasulullah dari hal perbezaan antara lelaki dan perempuan mengenai *aqiqah*.<sup>70</sup> Manakala bagi mereka yang kurang berkemampuan pula, bolehlah beraqiqah dengan seekor kambing bagi lelaki dan seekor juga bagi anak perempuan.<sup>71</sup>

#### 2.6.1.h. *Hikmat aqiqah*

Di antara hikmat yang dapat diambil daripada amalan *aqiqah* ialah:

1. Sebagai bukti daripada perasaan gembira kerana diberikan kekuatan oleh Allah untuk menjalankan syariat Islam serta dianugerahkan seorang anak. Di mana dengan harapan agar si anak tersebut akan mengabdikan dirinya kepada Allah.<sup>72</sup>
2. *Aqiqah* boleh mendekatkan anak yang baru lahir kepada Allah pada saat pertama dia menarik nafasnya di dunia ini.<sup>73</sup>
3. Sebagai penebus (*fidyah*) anak yang baru lahir bagi mengelakkannya daripada musibah dan penyakit-penyakit sebagaimana Allah telah menebus *fidyah* Ismail a.s. dengan penyembelihan agung.<sup>74</sup>

<sup>68</sup> Lihat Ibn Mājah, Imām Muhammad Ibn Yazid al-Quzwainī, (1988), *Sunan Ibn Mājah*, cet.1, jld.2, Beirut: Dar al-Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah, no.hadith 1056.

<sup>69</sup> Lihat, Mālik Ibn Abbaś, (1989), *al-Mu'atta'*, jld.2, cet.1. Beirut: Dar al-Fikr, h. 50.

<sup>70</sup> Lihat Abū Dawūd, *Op.cit.*, jld.8, h. 43.

<sup>71</sup> Lihat Ibn Qayyim, *Op.cit.*, h. 48.

<sup>72</sup> Abdul Karim Zaidān, *Op.cit.*, 301, Ibn Qayyim, *Op.cit.*, h.74.

<sup>73</sup> Abd Allah Nāsieh 'Ulwān, *Op.cit.*, h. 68, Ibn Qayyim, *Op.cit.*, h. 73.

<sup>74</sup> Lihat Waliyu al-Din al-Dahlāwī (t.t), *Hujjatul Allah al-Balighah*, jld.8, Beirut: Dar al-Makrifat, h. 727-728.

4. Melepaskan penghalang dalam memberikan *syafa'at* kepada orang tua mereka di hari akhirat kelak.
5. Menguatkan hubungan mesra dan kasih sayang di antara sanak saudara dan masyarakat setempat dengan menghimpunkan mereka semua di majlis kenduri *aqiqah* sebagai tanda gembira dengan kelahiran anak yang baru.
6. Seterusnya dapat menampung sumber-sumber takāful kemasyarakatan dengan usaha yang baru dan sekali gus dapat menghapuskan babit kesusahan dan kemiskinan di kalangan orang-orang Islam.
7. Menguatkan ikatan sosial dan sekaligus membantu mengurangi kemiskinan dalam masyarakat Islam.<sup>75</sup>

## 2.6.2 Mencukur Rambut Di Kepala

Antara syariat yang digesa oleh Islam terhadap anak-anak ialah mencukur rambut di kepalanya pada hari yang ketujuh kelahirannya.<sup>76</sup> Di samping itu disunatkan juga bersedekah dengan perak, mengikut timbangan rambutnya kepada fakir dan orang yang memerlukannya.<sup>77</sup>

Dalam sebuah hadīth yang diriwayatkan oleh Alī bin Abū Tālib r.a. berkata dengan maksudnya:<sup>78</sup>

“ Rasūlullah S.A.W. mengaqiqahkan kambing untuk Hassan dengan sudaranya kepada Fatimah, cukurlah rambut kepalanya dan bersedekah mengikut kadar berat rambutnya dengan sukatan perak.”

<sup>75</sup> Al-Misr,Nasy'at (1989), *Menyambut Kedatangan bayi*, Kuala-Lumpur: Syarikat S. Abdul Majeed, h. 55.

<sup>76</sup> Abū Dawūd, *Op.cit.*, jld .8, h. 38.

<sup>77</sup> Abd Allah Nāsiḥ ‘Ulwān *Op.cit.*, h. .92.

<sup>78</sup> Anas Ibn Mālik, *Op.cit.*, jld.2, h.501.

Kemudian kami menimbang rambut tersebut iaitu satu dirham atas setengah dirham beratnya.”<sup>79</sup>

(Riwayat Imām Mālik)

Islam hanya mensyariatkan dengan sukatān perak sebagaimana yang termaktub di dalam ḥadīth di atas tanpa menukar kepada sukatān lain umpamanya sukatān emas kerana ia menyalahi ketetapan syariat sebagaimana yang di jelaskan oleh al-Syawkānī.<sup>80</sup>

#### 2.6.2.a. *Hikmat Mencukur Rambut Di Kepala*

Di antara hikmat yang dapat disimpulkan ialah:

Pertama: *Dari Perspektif Kesihatan*

Perbuatan mencukur rambut di kepala bayi boleh menguatkan dan merangsangkan sel-sel kepala. Setelah dicukurkan rambut ianya boleh membuka liang-liang romā dan juga boleh menguatkan pancaindera seperti daya lihat, daya hidu dan daya dengar.

Di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Salmān bin Amīr al-Dabbi, bahawa Rasūlullah S.A.W. bersabda:<sup>81</sup>

”مَعَ الْعَلَامِ عَقِيقَتِهِ، فَأَهْرَفُوا عَنْهُ وَأَمْيَطُوا عَنْهُ الْأَذِى“

(Riwayat al-Baihaqī dan al-Tabrānī)

Kalimah “imātah al-Azā” bermaksud mencukur rambut bukan membawa maksud selain itu.<sup>82</sup> Ini adalah bagi membuang rambut bayi yang terkena darah

<sup>79</sup> Al-Jazrī, Imām Majdu al-din Abi al-Saadah al-Mubārak Ibn Muhammad ( t.t), *al-Nihayat al-Hadīth wa al- Athār*, jld.2, cet.1. Beirut: Dar al-Baz, h. 71.

<sup>80</sup> Al-Asqalānī, Imam Ahmad Ibn Ali Ibn Hajar, (t.t), *al-Talkhīs al-Khabīr*, Jld.4, al-Qaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, h. 148, al-Syawkānī, *Op.cit*, jld.3, h. 34.

<sup>81</sup> Lihat, al-Baihaqī, *Op.cit*, jld.1,h. 298. al-Tabrānī, *Op.cit*, no.hadīth 916.

<sup>82</sup> Ibn Sirin, (1978), *Bulūgh al-Amāni min Asrār al-Fath al-Rabani*,jld.13, al-Qaherah : Maktabah Dar al-Muassasah, h. 123.

rahim ibu ketika dilahirkan kerana dikhawatir boleh mendatangkan penyakit kepada si bayi tersebut.

**Kedua: Dari Perspektif Kemasyarakatan**

Amalan bersedekah perak mengikut seberat timbangan rambut bayi itu merupakan salah satu sumber takaful dalam sesebuah masyarakat. Di mana dengan mengamalkan konsep bersedekah tersebut dapatlah menghapuskan kemiskinan dan juga boleh melaksanakan kerjasama, hubungan kasih sayang dalam sesebuah masyarakat.

Amalan ini diterima pakai oleh ulamā' dengan berpandukan kepada riwāyat Imam Mālik<sup>83</sup> dari Ja'far Ibn Muhammad dari bapanya yang berkata:

“Bahawa Fatimah (r.a) telah menimbang rambut kepala Hassan, Husain, Zainab dan Umi Kalthūm kemudian dia bersedekah perak mengikut timbangannya”.

(Riwāyat Imām Mālik)

**2.6.2.b. Kaedah Mencukur Rambut**

Walaupun mencukur rambut di kepala bayi digalakkan dalam Islam namun terdapat juga larangan mencukur rambut yang tidak sempurna (*Qaza'*). Ini dapat dilihat dalam sebuah hadīth yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar daripada Nāfi' daripada Ibn Umar sabda Rasūlullah :

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْقَزْعِ وَالْقَزْعُ أَنْ يَحْلَقَ

رَأْسَ الصَّبَّيِّ وَيَذْعَ بَغْضَةً " "

Maksudnya:

“Rasulullah melarang melakukan perbuatan al-Qaza' (mencukur sebahagian dan meninggalkan sebahagiannya)

(Riwāyat al- Bukhāri dan Muslim)

<sup>83</sup> Anas Ibn Mālik, *Op.cit.*jld.2, h. .502.

Di antara jenis *al-Qaza'* tersebut ialah:<sup>84</sup>

- Pertama : Dicukur beberapa tempat di sana-sini.
- Kedua : Dicukur di tengah dan ditinggalkan di sekelilingnya.
- Ketiga : Dicukur di keliling dan ditinggalkan di tengahnya.
- Keempat : Dicukur di hadapan dan ditinggalkan di belakangnya.

#### 2.6.2.c. Melumuri Kepala Bayi Dengan Darah

Melumur darah di kepala bayi adalah haram.<sup>85</sup> Perbuatan tersebut adalah *bid'ah* dan amat ditegah oleh Islam berdasarkan hadith Yazid bin Abdul Mazni meriwayatkan bahawa : Rasulullah S.A.W bersabda dengan maksudnya:

“ Buatlah *aqiqah* untuk anak dengan syarat tidak melumurkan darah tersebut di kepala bayi”.<sup>86</sup>

( Riwayat al-Bukhari )

Justeru, Islam menukarkan larangan tersebut kepada melumurkan wangian-wangian (*khuluq dan za'farān*).<sup>87</sup> Dari Abdullah Ba'iz Baridah berkata:

“ Pada zaman Jahiliyah, apabila kami menimang cahayamata maka penyembelihan kambing sebagai *aqiqah* dilakukan. Kemudian mengambil sedikit darahnya untuk dilumurkan di kepala bayi tersebut. Setelah kedatangan Islam, penyembelihan kambing masih dikekalkan, begitu juga mencukur rambut, cuma kami melumurkan *za'farān* di kepalanya”<sup>88</sup>.

( Riwayat Abu Dawud dan Ibnu Majah )

<sup>84</sup> Ibn Qayyim, *Op.cit.*, h. 7.

<sup>85</sup> Al-'Abadi, Abi Tayyib, (1889), *Syarh Sunan Abi Dawud*, jld.2, cet.1. Beirut: Dar al-fikr, h. 46.

<sup>86</sup> Al-'Asqalani, *Op.cit.*, jld 10, h.592 no.hadith 5920, Al-Nawawi, *Op.cit.*, no.hadith 2120, Al-Baghawi, Abu Ahmad Husein Ibn Masud al-Fara', (1971), *Syarh al-Sunnah al-Baghawi*, jld 12, cet.1. Beirut: al-Maktabah al-Islamiyah, h..98.

<sup>87</sup> Lihat Ibn Qayyim, *Op.cit.*, 74.

<sup>88</sup> Abu Dawud, *Op.cit.*, no.hadith 2837, Ibn Majah, *Op.cit.*, no.hadith 3166

### 2.6.3 Menamakan Anak

Telah menjadi amalan sesuatu masyarakat di dunia ini apabila ibubapa mendapat cahaya mata mereka akan memberikan nama kepada bayi tersebut. Tujuan memberikan nama adalah sebagai suatu tanda untuk mengenalkannya kepada masyarakat sekeliling.<sup>50</sup>

Islam sangat mengambil berat tentang tanggungjawab memberikan nama kepada anak. Panggilan nama kepada anak juga dianggap sebagai doa yang berisi harapan daripada orang yang memberi nama.<sup>89</sup> Oleh itu ibubapa memainkan peranan yang besar dalam menamakan anaknya dengan nama yang baik dan elok maknanya. Justeru, pemberian nama adalah cermin keperibadian dan kemantapan pendidikan agama terhadap pemberinya.<sup>90</sup> Sabda Rasūlullah S.A.W:<sup>91</sup>

أئُمْ تَذَعُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِاسْمَائِكُمْ وَبِاسْمَاءِ أَبَائِكُمْ، فَلَا خِسْنَوْا أَسْمَائِكُمْ.

Maksudnya :

Sesungguhnya pada hari qiyāmat kelak, kamu akan dipanggil dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu, jadi pilihlah nama-nama yang cantik (baik-baik).

( Riwayat al-Baihaqī)

#### 2.6.3.a. Waktu Memberikan Nama Dan Orang Yang Berhak Memberikan Nama

Berdasarkan kepada beberapa hadith Rasulullah S.A.W. mengenai masa bagi menamakan anak yang baru dilahirkan, *fiqhahā'* telah berselisih pendapat. Ada yang mengatakan pada hari pertama , ketiga dan pada hari ketujuh.

<sup>50</sup> Ahmad Rafie Ayudin, (1994), *Menyambut Kelahiran Zuriat*, cet.2. Kuala-Lumpur: al-Kuthar, h. 24.

<sup>89</sup> M.Talib,( 1991), *NilaiLaki-laki dalam Islam*, cet. Yogyakarta : Pustaka LSI –Pustaka al-Khawthar, h. 99, Ibn al-Qayyim, *Op.cit.*, h. 76.

<sup>90</sup> Ahmad Rafei Ayudin, *Op.cit.*, h. 78

<sup>91</sup> Lihat al-Baihaqi, *Op.cit.*, jld.9, h. 299.

Pendapat yang mengatakan pemberian nama adalah pada hari pertama dan sebelum hari ketujuh kelahiran adalah berdasarkan kepada hadith Anas bin Mālik r.a. berkata;

“Aku membawa Abdullah bin Abu Talhah pada hari dia dilahirkan dengan menemui Rasulullah S.A.W. Lalu Baginda bersabda : “ Dia akan menjadi kuat dengan khasiat buah tamar dan memberikan nama Abdullah.”<sup>92</sup>

(Riwayat al- Bukhārī, Muslim dan Tirmidhzi)

Antara ulama' yang mengharuskan penamaan anak pada hari pertama kelahiran ialah Ibn Qayyim<sup>93</sup> dengan menyatakan bahawa hakikat nama ialah memperkenalkan benda yang dinamakan “al – Musammā”. Ini adalah kerana apabila sudah lahir dan belum diketahui namanya maka tidak ada apa yang boleh diperkenalkan lagi. Ini dikuatkan lagi dengan hujah daripada ulamā' –ulamā' lain seperti Imām al-Bukhari,<sup>94</sup> Ibn Hajar al-Hāfiẓ<sup>95</sup> dan al-Baghawi.<sup>96</sup>

Pendapat yang menyarankan agar pemberian nama pada hari ketujuh pula bersandarkan kepada hadīth Amrū bin Syua’ib bahawa Nabi Muhammad S.A.W. bersabda dengan mafhūmnya:<sup>97</sup>

“ Memberi nama anak pada hari ketujuh adalah sesuatu perintah dan menghilangkan kesakitan daripadanya”.

( Riwayat al-Tirmidhzi)

Walaupun jelas hadīth-hadīth tersebut telah menimbulkan perselisihan pendapat antara ulamā'-ulamā' fiqh. Namun dalam hal ini sebenarnya terdapat kelonggaran di sisi syara'. Justeru, pemberian nama kepada anak yang baru lahir

<sup>92</sup> Lihat al-Bukhārī, *Op.cit*, no.hadīth 5470, Muslim, *Op.cit*, no.hadīth 2144, Muhamad bin Isā bin Suratil Daramī, (1985), *Sahīh Sunan Tirmidhī*, jld.2, cet.2, Beirut: Dar al-fikr, h. 275.

<sup>93</sup> Ibn Qayyim, *Op.cit*, h. 43.

<sup>94</sup> Al-'Asqalānī, *Op.cit*, Jld 10,h. 18.

<sup>95</sup> Ibid

<sup>96</sup> Al-Baghawi, *Op.cit*, h. 269.

<sup>97</sup> Lihat Imam Abu Isā Muhammad bin Isā al-Tirmidhī, (t.t.), *Jāmi' al-Tirmidhī*, Juz. 8, Beirut: Isā al-Halabi, no.hadith 2832.

boleh dilakukan pada hari pertama kelahirannya atau bolehlah dilambatkan ke hari ketiga. Jadi, anak tersebut juga boleh dinamakan pada hari *aqiqah* iaitu hari ketujuh kelahiran, boleh juga sebelum atau selepas itu.<sup>98</sup>

Tentang siapa yang berhak memberikan nama kepada anak yang baru dilahirkan samada ayah atau ibunya, menurut Abd. Karim Zaidān <sup>99</sup> hak memberi nama dilebihkan kepada ayah berdasarkan kenyataan ayat al-Qurān yang menjelaskan supaya anak dinasabkan kepada ayahnya bukan kepada ibunya.<sup>100</sup>

#### 2.6.3.b. Pemilihan Nama Anak

Antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh pasangan suami isteri semasa memberikan nama kepada anak ialah memilih baginya nama-nama yang paling elok dan baik bagi merealisasikan perintah Allah serta ajaran Rasūlullah S.A.W. Justeru, disunatkan bagi ibubapa memilih nama yang terbaik untuk anaknya seperti menyertakan dengan salah satu nama Allah<sup>101</sup> dan sifat-sifat wajib bagi Allah.<sup>102</sup> Sabda Rasūlullah S.A.W. dengan mafhūmnya:<sup>103</sup>

Maksudnya :

“Sesungguhnya, pada hari qiāmat kelak, kamu akan dipanggil dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu, jadi pilihlah nama-nama yang elok”.

(Riwayat Abū Dawūd)

Justeru, ibubapa perlulah mengelakkan daripada memberikan nama yang buruk kepada anak mereka. Nama yang buruk boleh mengugat kemulian anak itu

<sup>98</sup> Ibn Qayyim, *Op.cit.*, h. 10.

<sup>99</sup> ‘Abd Karim Zaidān, *Op.cit.*, h. 323.

<sup>100</sup> Lihat Qur’ān sūrah al-Ahzāb: ayat 5.

<sup>101</sup> Ibn Hazm, *al-Muhallā*, h. 80.

<sup>102</sup> Al-Qurtubi, *Op.cit.*, h. 334.

<sup>103</sup> Abu Dawūd, *Op.cit.*, jld.2, no.hadith 4950, Ibn Qayyim, Syam al-Din Abdullah Muhammad Ibn Bakr al-Zirai’ al-Dimasqi (1990), *Zād al-Ma’ad, Fī Hudā Khair al- Ibād*, jld.2, cet.2. Beirut: Muassasat al- Risalat, h. 334, al-Nawawi, *Sahīh Muslim*, *Op.cit.*, jld 14. h. 291.

serta boleh menyebabkan dia dicela dan dihina. Al-Tirmidhī meriwayatkan bahawa Aisyah r.a. menyatakan bahawa Rasūllah S.A.W. suka mengubah nama-nama yang buruk.<sup>104</sup>

Dalam menentukan nama-nama tersebut para ulama bersepakat untuk memakruhkan semua nama yang mencerminkan aspek berikut. Di antaranya ialah:

1. Nama – nama syaitan seperti Khanzab, al-Walhān, al-A'wār, al-Hubāb dan al-Ajda'.
2. Nama-nama raja kafir seperti Firaun, Qārun, Hammān, al-Walīd.
3. Nama-nama Malaikat seperti Jibrail, Mikail dan lain-lain lagi.
4. Nama-nama yang maknanya adalah keji seperti Harbu yang bererti peperangan.<sup>105</sup>
5. Nama-nama yang agak sial seperti Hiyām, Nahad, Susan, Midāyah, Narimān, Ghādah dan Ahlām.
6. Dinamakan dengan nama Allah yang khusus hanya untuk Allah sahaja seperti Khāliq, Rāziq, Qhādi Qudhat, Hākim al-Hukkām dan lain-lain.<sup>106</sup>
7. Nama-nama surah al-Qurān seperti Tāhā, Yāsin, Hāmim atau nama-nama al-Qurān seperti al-Furqān dan lain-lain.<sup>107</sup>
8. Nama-nama yang melambangkan cinta dan kepura-puraan seperti Haifa, Nehad dan Mayādah.<sup>108</sup>

<sup>104</sup> Al-Nawawi, *Al-Azkar*, *Op.cit.*, h. 350, al-Tirmidhī, *Op.cit.*, no.hadith 2833.

<sup>105</sup> Ibn Qayyim, *Tuhfah*, *Op. cit.*, h .80.

<sup>106</sup> Al-Nawawi, *Sahih Muslim*, *Op.cit.*, jld.14, h. 369.

<sup>107</sup> Al-Baihaqī, al-Imam al-Hāfiẓ Abu Bakr Ahmad Ibn Husein Ibn Ali (1994), *al-Sunah al-Kubrā Li al-Baihaqī*, jld.9, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, h. 299.

9. Memakai nama gelaran Baginda Rasulullah seperti Abu Qāsim<sup>108</sup> dan gelaran khas untuknya.<sup>109</sup>

Oleh itu adalah harus mengubah nama –nama yang keji kepada nama yang lebih baik berdasarkan kepada hadīth yang diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī dan Abū Dawūd.<sup>110</sup>

Walau bagaimanapun kebanyakan ulamā' ada mencadangkan nama-nama yang elok di antaranya ialah:

1. Mengandungi salah satu dari nama-nama Allah yang mana ianya perlu didahului dengan perkataan “*Abdu*” seperti Abdullah dan *Abdul Rahman*.<sup>111</sup>
2. Dipilih dari nama-nama Nabi,<sup>112</sup> Sabda Rasūlullah s.a.w:

”عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَرَادٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ“

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمُّوَا بِاسْمَاءِ الْأَنْبِيَاءِ وَلَا تُسَمِّوَا بِاسْمَاءِ الْمَلَائِكَةِ“

Maksudnya:

“ Namakanlah anak-anak kamu dengan nama- nama nabi dan jangan kamu namakan dengan nama-nama malaikat”<sup>113</sup>

(Riwāyat al-Bukhārī)

3. Di pilih daripada nama-nama sahabat-sahabat, pejuang-pejuang Islam dan orang-orang yang soleh<sup>114</sup> seperti Abū Bakar, Umar, Othmān, Hārith dan Hammām.

<sup>108</sup> Abd Allah Nāsih ‘Ulwan, *Op.cit.*, h. 80.

<sup>109</sup> *Ibid.*, h. 83.

<sup>110</sup> Lihat al-Bukhārī, *Op.cit.*, no.hadīth 6129, Abū Dawūd, *Op.cit.*, no.hadīth 4956, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Op.cit.*, h. 108-117.

<sup>111</sup> Lihat Ibn Qayyim al-Jawziyyah, (1978), *Miftah Dār al-Sa’adah*, jld.2,al-Qahera: Dar al-Syruq, h. 236.

<sup>112</sup> 'Abd. Karīm Zaidān, *Muṭassal Fī Ahkām al-Mar'ah*, *Op.cit.*, jld 9,h. 284.

<sup>113</sup> Lihat al-Bukhari, *Op.cit.*, no.hadīth 6194.

4. Mengandungi nama-nama yang baik dan menyenangkan hati.

Di dalam menunjukkan betapa pentingnya menamakan anak dengan sebaiknya, Islam tidak membataskan hanya bagi mereka yang dilahirkan hidup sahaja bahkan bagi yang meninggal dunia ketika di dalam janin ibu pun diminta agar diberikan nama sebagaimana mereka yang dilahirkan hidup. Menurut Imām Baghawī<sup>115</sup> anak yang gugur itu sunat diberikan namanya jika sudah ditiupkan rohnya, yakni sudah berumur empat bulan. Jikalau tidak jelas jantinanya dibuat namanya yang boleh dipakai lelaki dan perempuan seperti Asmā', Kharijah, Talhah, Umairah, Zar'ah dan sebagainya.

2.6.3.c. *Keberkesanan Nama Kepada Musamma'*

Rasūlullah S.A.W. menganjurkan kepada seseorang yang mempunyai cita-cita yang baik agar menyerapkannya melalui nama anak-anak yang akan diberikan nama tersebut. Ketika memilih nama-nama tertentu dan nama tersebut mengandungi sifat baik yang merupakan harapan orang tua terhadap anak-anak mereka, maka diharapkan kelak sifat tersebut akan dimiliki oleh anak yang dinamakan itu.<sup>116</sup>

Di dalam hadīth yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī daripada Said bin Musaiyyab daripada bapanya dan datuknya dengan maksudnya:<sup>117</sup>

“ Aku datang menemui Nabi Muhammad s.a.w. lalu Baginda bertanya : Apakah nama kamu. Jawabku, Khāzan maknanya ialah kasar. Dijawab oleh Rasulullah s.a.w. “Kamu lembut” . Aku menjawab lagi,” Saya tidak akan mengubah nama yang bapa saya telah berikan.” Kata Ibnu Musaiyyab, dengan kesan namanya itu, terus menerus dia bersifat kasar”.

(Riwayat al-Bukhārī)

<sup>114</sup> Abd Karīm Zaidān, *Op.cit.*

<sup>115</sup> Al-Baghawī, al-Husein Ibn Masu'd al-Syafi'ī, (t.t), *Masābih al-Sunnāt*, Tahqiq: Ibrahim Muhammad Ramadhan, Jld.2, Beirut: Dar al-Qalam, h. 229.

<sup>116</sup> Al-Nawawi, *al-Azkar*, *Op.cit.* h. 348.

<sup>117</sup> Al-Bukhārī, *Op.cit.* no.hadith 6190, Abdul Karīm Zaidān, *Op.cit.*, h. 289.

Maksudnya:

“ Janganlah kamu suka menyucikan diri kamu sendiri sedangkan Dia (Allah) lebih mengetahui siapakah golongan yang lebih bertaqwa di kalangan kamu”.

( Surah al-Najm (53): 32 )

3. Untuk mengambil *syafa'at* dengan nama seperti nama-nama Allah agar Allah mencerahkan belas kasihanNya kepada penama tersebut disamping memudahkan untuk menerima *syafa'at* Nabi Muhammad S.A..W di suatu hari kelak.
4. Juga berkemungkinan terdapat nama-nama yang tidak elok yang memang perlu diubahkan agar tidak mempengaruhi akhlak atau syakhsiyah di kemudian hari .
5. Digesa menamakan nama-nama nabi agar nama-nama tersebut tidak luput dari ingatan orang Islam terhadap para nabi dan rasul yang diutuskan Allah dari masa ke masa .

#### 2.6.3.e. Memakai Gelaran Sempena Nama Anak

Gelaran (*Kuniyah*) ialah panggilan bagi sebutan nama yang dimulai dengan lafadz *Abū* (bapa) bagi lelaki dan *Ummu* (ibu) bagi perempuan. Keharusan memakai nama *kuniyah* ini difahami daripada maksud hadith riwayat Anas r.a. berkata bahawa Raulullah S.A.W. adalah seorang yang baik akhlaknya. Saya ada seorang saudara yang namanya dipanggil *Abū Umair*. Rasūlullah s.a.w. memanggilnya :<sup>119</sup>

“Wahai *Abā* Umair; Apakah yang telah kamu lakukan terhadap burung kamu”?<sup>120</sup>

( Riwayat al-Bukhārī dan Muslim )

<sup>119</sup> Ibn Qayyim, *Tuhfat*, Op.cit., h. 125.

<sup>120</sup> Al-'Asqalānī, *al-Fath*, Op.cit., jld.1,h. 713, no.hadith 6129, Muslim, Op.cit, no.hadith 2150.

Begitulah juga *kuniyah* bagi Anas sebelum beliau mempunyai anak ialah Abī Hamzah manakala *kuniyah* Abū Hurairah ialah “*kuniyah*” sebelum dan selepas dikurniakan anak. Rasūlullah S.A.W. mengizinkan kepada Aisyah dengan *kuniyah* ‘Ummu Abdillah” iaitu Abdullah Ibnu Zubair yang merupakan anak kepada Asmā’ binti Abī Bakar.

Ini menunjukkan adalah harus *berkuniyah* kepada seseorang yang ada anak kepada yang bukan anaknya. Abū Bakar tidak ada anak yang bernama Bakar tetapi *dikuniyah* dengan Abū Bakar. Begitulah juga dengan Saiyyiduna Umar tidak ada anak yang bernama Hafsūn tetapi *dikuniyahkan* dengan nama Abū Hafsūn.<sup>121</sup> Di sini menunjukkan bahawa tidak semestinya *kuniyah* itu harus diberikan kepada orang yang mempunyai anak sahaja dan tidak semestinya dikuniyah dengan nama anak kerana *kuniyah* itu adalah seperti satu penghormatan dan kebesaran kepada orang yang *dikuniyah* atau suatu kemuliaan untuknya.

Oleh itu sesiapa yang pada zaman kanak-kanaknya tidak mempunyai sebarang gelaran, maka tidak perlulah menanti sehingga dia menjadi seorang bapa atau ibu untuk mendapatkan gelaran yang baik sebagaimana huraian daripada hadith tersebut.

Menamakan anak dengan *kuniyah* terdapat beberapa faedah. Antaranya ialah :

1. Menimbulkan perasaan mulia dan hormat dalam diri kanak-kanak
2. Menambahkan keperibadian dari segi sosial
3. Melatih adab panggilan dan melembutkan hati.

---

<sup>121</sup> Salīm Alī Rasyīd, *Op.cit.*, h. 76.

## 2.7 Penyusuan

Islam memberikan perhatian yang serius terhadap penyusuan susu ibu dan perkara ini telah termaktub di dalam al-Qur'an. Di dalam kitab suci al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menyebut dan menceritakan tentang kebaikan penyusuan susu ibu melalui kisah-kisah para Rasul yang di antaranya ialah kisah Nabi Mūsā a.s. sewaktu kecil yang telah disusui oleh ibunya sendiri walaupun telah dihanyutkan ke dalam sungai Nil. Peristiwa ini telah dinyatakan oleh Allah S.W.T. dalam firmanya:

" وَ حَرَّمْنَا عَلَيْهِ الْمَرَاضِعَ مِنْ قَبْلٍ فَقَالَتْ هَلْ أَنْلَكُمْ عَلَىٰ أَهْلِ بَيْتٍ يَكْثُلُونَهُ لَكُمْ وَهُمْ لِهُ نَاصِحُونَ "

Maksudnya :

"Dan Kami jadikan enggan menyusu kepada perempuan yang akan menyusunya, sebelum datang saudaranya dan ia berkata: Mahukah aku tunjukkan kepadamu sebuah keluarga yang memeliharanya untukmu dan mereka jujur kepadanya".

(Surah al- al-Qasas (28) : 12 )

### 2.7.1 Pengertian Penyusuan

Penyusuan di dalam bahasa Arab disebut *al-Ridhā'* (الرضاع). Oleh itu, penyusuan dari segi bahasa ialah nama bagi penghisapan susu dada sama ada penghisapan susu manusia, binatang atau sebagainya.<sup>122</sup> Manakala dalam istilah syara' pula ia membawa maksud kesampaian susu manusia ke dalam perut kanak-

<sup>122</sup> Muhamad Mahyuddin 'Abdul Hamid, (1957), *al-Ahwāl al-Syakhsiyah fi Syari'ah al-Islamiyah*, Misr: Maktabah al-Tijariah al-Kubra, h. 390.

kanak yang tidak melebihi umurnya daripada dua tahun atau dua puluh empat bulan.<sup>123</sup>

Syara' menganggap seseorang itu sebagai susuan apabila seseorang kanak-kanak telah meminum susu manusia (ibu) tersebut maka disabitkan penyusuan ke atasnya samada ada susu sampai ke dalam perut kanak-kanak melalui mulut dengan menghisap dada atau dengan cara dituangkan ke halkumnya atau dengan cara dimasukkan susu melalui hidungnya.<sup>124</sup> Ini bermakna apabila sampai susu ke dalam perut kanak-kanak yang berumur tidak lebih daripada dua tahun serta cukup syarat-syaratnya disabitkan penyusuan ke atas kanak-kanak dari segi syara'. Justeru, takrif ini menjelaskan penghisapan susu binatang dan sebagainya (kecuali manusia) tidak termasuk dalam takrif penyusuan menurut syara'.

Oleh itu, hukum penyusuan hanya disabitkan ke atas kanak-kanak yang menyusu daripada ibunya sahaja (susu ibu) dan umur kanak-kanak tersebut tidak lebih daripada dua tahun. Sekiranya kanak-kanak yang disusui itu melebihi umur dua tahun maka tidak disabitkan hukum penyusuan ke atas kanak-kanak tersebut. Ini dapat difahami daripada maksud firmah Allah:

“ Para ibu menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi mereka yang ingin menyempurnakan penyusuan itu.”  
(Sūrah al-Baqarah (2):233)

#### 2.7.2 *Sikap Masyarakat Terhadap Amalan penyusuan*

Penyusuan susu ibu merupakan suatu cara memberi makanan yang wujud sejak manusia wujud di dunia ini. Ianya bukanlah suatu konsep baru atau cara baru yang diperkenalkan kepada bayi. Amalan penyusuan bayi ini sebenarnya

<sup>123</sup> Al-Jazairī, 'Abdul Rahman (1969), *al-Fiqh 'alā al-Mazāhib al-'Arba'ah*, jld. 4, Misr: Maktabah al-Tijāriah al-Kubrā, h. 248.

<sup>124</sup> Al-Jazairī, *Op.cit*, h. 250.

bagi ibu tersebut.<sup>129</sup> Justeru, Allah melarang bapa mengambil kesempatan dari sifat ibu yang pengasih dan penyayang terhadap anaknya dengan memaksa ibu menyusui anak tanpa sebarang ganjaran. Begitulah sebaliknya pihak ibu tidak boleh mengambil kesempatan terhadap kasih sayang bapa kepada anak dengan meminta pelbagai ganjaran yang bertujuan untuk membebakkannya.<sup>130</sup>

#### 2.7.4 Kewajipan Ibu Menyusukan Anak

Menyusukan bayi adalah hak dan kewajipan seorang ibu menurut agama kerana sememangnya ibu yang lebih layak menyusui daripada wanita lain. Ini ditegaskan oleh Allah di dalam ayatNYa :

"وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِيْغُنَ أُولَادَهُمْ حَوْلَنِينَ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّمَ الرَّضَاعَةُ"

Maksudnya:

"Ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan."

(Sūrah al-Baqarah (2): 233)

Di dalam ayat tersebut menunjukkan perintah yang wajib dilaksanakan bagi sebahagian ibu, namun sunat bagi sebahagian ibu yang lain. Ertinya wajib dilaksanakan bagi para ibu yang tidak mengalami kesulitan dan halangan dalam menyusukan bayinya dengan air susu. Manakala makruh hukumnya, bagi para ibu yang jika menyusukan anak dengan susunya akan menerima kemudaran, samada bagi bayinya ataupun bagi dirinya sendiri.<sup>131</sup>

Oleh kerana penyusuan merupakan hak yang perlu bagi seorang anak, maka menjadi kewajipan ibu untuk menyempurnakan penyusuan tersebut. Malah, ibu boleh dipaksa sekiranya enggan untuk menyusui anak dalam keadaan berikut:

<sup>129</sup> Madkhūr,Muhammad Salām,(1978), *al-Wajīz Li Ahkām al-Usrah Fi Silām*,Qaherah: Daru-al-Nahdah al-'Arabiyah, h. 254.

<sup>130</sup> Qutub,Sayyid (1971), *Fī Zilāl al-Qurān*, jld.2,Beirut: Dar al-Shahir bi Tafsīr al-Manṭar, Misr: Maktabah al-Qaherah, h. 372.

<sup>131</sup> 'Abd Karīm Zaidān, *Op.cit*, jld.9, h. 376, 'Abdul Halim Al- Sayyid Abdullah ( 1999), *Air susu ibu, Fadilat dan keutamaan*, Selangor:Pustaka Ilmi,cet.1. h. 20.

- i. Apabila anak tidak mempunyai harta dan bapa juga tidak mempunyai apa-apa harta untuk mengupah orang lain menyusui anaknya dan tidak ada orang lain yang secara sukarela menyusukannya.
- ii. Apabila anak tersebut enggan atau tidak mahu menerima susu orang lain selain daripada susu ibunya sahaja.<sup>132</sup>
- iii. Apabila tidak ada orang lain yang sanggup menyusukan anaknya selain ibu sendiri walaupun bapa mampu untuk membayar upah.

Sekiranya terdapat salah satu daripada tiga keadaan yang disebut ini, maka adalah menjadi kewajipan ke atas ibu secara mutlak untuk menyusukan anaknya. Jika sekiranya ibu enggan berbuat demikian, hakim boleh memaksa ibu menyusukan anaknya kerana pada masa ini hukum ibu menyusukan adalah wajib. Pemaksaan ini dilakukan demi untuk memastikan dan memelihara pertumbuhan bayi supaya dia dapat membesar dengan sempurna.

#### 2.7.5 Pandangan Ulama Tentang Hukum Penyusuan Ibu Terhadap Anak

Menurut mazhab Syafi'i ibu hendaklah menyusukan anaknya dengan air susu permulaan yang keluar sebaik sahaja anak dilahirkan. Manakala pada hari berikutnya, ibu tidak lagi wajib menyusukan anaknya sama ada dia masih berstatus sebagai isteri yang rasmi ataupun telah diceraikan, jika sekiranya ada orang lain yang sanggup menyusukan anak tersebut. Tetapi sekiranya tidak ada orang lain yang sanggup menyusukan anaknya, maka ibu wajib menyusukan

---

<sup>132</sup> Al-Zahabi, Muhammad Husain (1968), *al-Ahwāl al-Syakhsiyah Fī al-Syariat*, cet.2. Misr: Dar al-Khutub al-Hadithah, h. 399.

anaknya itu sehingga tamat tempoh penyusuan sama ada dia masih berstatus sebagai isteri atau telah diceraikan oleh suaminya.<sup>133</sup>

Mengikut pandangan ulama' dalam mazhab Maliki pula, ibu-ibu hendaklah dipaksa supaya menyusukan anaknya sama ada dia masih berstatus isteri atau telah diceraikan dengan *talak raj'i*. Sekiranya ibu dan nenek itu termasuk dalam golongan yang tidak biasa menyusukan anaknya sendiri seperti kebiasaan masyarakat jahiliyyah, maka dalam hal ini ibu tidak boleh dipaksa supaya menyusukan anak. Sebaliknya, jika anak tidak mahu menyusukan dengan orang lain kecuali ibunya sahaja, maka ketika ini ibu boleh dipaksa supaya menyusukan anaknya tanpa mengira statusnya sebagai isteri atau telah diceraikan dengan *talak raj'i* atau *talak bāṭin*.<sup>134</sup>

Manakala ulamā'-ulamā' dari mazhab Hanafi pula berpendapat, penyusuan anak-anak bukan merupakan suatu yang diwajibkan ke atas ibu untuk melaksanakannya walaupun ia wajib dari segi agama. Sekiranya ibu enggan menyusukan anak sedangkan dia berupaya dan berkuasa melakukannya, hakim tidak boleh memaksa supaya ibu menyusui anaknya kecuali apabila ada penetapan syara' ke atasnya.<sup>135</sup>

#### 2.7.6 Tempoh Penyusuan

Para ulama' juga berselisih pendapat dalam menentukan tempoh sebenar penyusuan yang diharamkan. Menurut pendapat Imām Mālik, Syafī'i, Ahmad dan Hambali, Abū Yūsuf Muhammad dan Imām Mazhab Ja'fariyyah tempoh penyusuan yang ditetapkan ialah dua tahun iaitu bermula daripada waktu

<sup>133</sup> Al-Barī, Zakaria, Ahmad ( 1964), *Aḥkām al-Awlaā fi al-Islām*, Misr: Dar al- Qaumiyyah, h. 35.

<sup>134</sup> *Ibid*.

<sup>135</sup> Lihat Sya'bān, Zakiyuddīn (1971), *al-Aḥkām al-Syāri'ah Li Ahwāl al-Shakhsiyah*, Misr: Dar al-Nahdhah al-'Arabiyyah, h. 601.

kelahiran bayi. Maka penyusuan dalam tempoh tersebut dikira sebagai haram susuan.<sup>136</sup> Dalil mereka berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

“ Para ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap.”

( Surah al-Baqarah (1) :223)

Imām Abū Hanīfah pula berpendapat bahawa tempoh penyusuan bagi seorang kanak-kanak ialah 30 bulan<sup>137</sup>. Dalil beliau ialah firman Allah yang bermaksud:

“ Ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah sedang tempoh mengandungnya serta tempoh menceraikan susunya ialah dalam 30 bulan.”

( Surah al-Ahqāf (46):15)

Namun, ada satu lagi pendapat yang lebih menarik daripada Ibn Abbās<sup>138</sup> yang menyatakan bahawa bagi wanita yang melahirkan anak setelah mengandung enam bulan, maka wanita itu harus menyusukan bayinya selama dua tahun penuh. Sedangkan jika ianya mengandung tujuh bulan, maka ia harus menyusukan bayinya selama 23 bulan. Pendapat ini bertitik tolak dari firman Allah:

”وَحَمِلَهُ وَفَصَالَهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا“

Ertinya:

“ Mengandungnya sampai memutuskannya adalah selama tiga puluh bulan”.

( Surah al-Ahqāf (46): 15 )

#### 2.7.7 Kadar Penyusuan

Berkaitan dengan bilangan atau kadar penyusuan yang mengharamkan, para fuqaha' juga memberikan pelbagai pandangan. mazhab Syafi'i mengatakan mestilah lima kali kenyang dalam waktu yang berlainan.<sup>139</sup> Mazhab Hanafī dan

<sup>136</sup> Al-Zahabi, *Op.cit.*,h .404.

<sup>137</sup> H.Idriss Ahmad.SH ( 1991),*Fiqh Syafī'*, jld. 2, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, h. 371.

<sup>138</sup> Fakhrul Al-Razi (1993), *Tafsīr Al-Kabīr*, jld.1, Beirut: Dar al-Fikr, h. 118 - 123.

<sup>139</sup> Shaltūt, Mahmood Ibn. Mohd, Syeikh, et.al (1368H), *Muqāranah al-Mazāhib al-Arba'ah*,Beirut: Dar al-Ulum,h. 66.

Mâlikî pula tidak membataskan kadar tertentu asalkan menyusu maka sabit pengharaman.<sup>140</sup> Manakala sesetengah pendapat mengatakan kadar yang mengharamkan ialah tiga kali.<sup>141</sup> Kesemua mereka mengeluarkan pendapat berdasarkan kepada dalil-dalil daripada ayat al-Qurân dan hadîth Rasulullah .

Selain daripada itu, dari segi perkahwinan mereka yang terlibat dengan susuan adalah haram berkahwin. Sekiranya telah berlaku perkahwinan antara kedua-duanya, maka mereka hendaklah dipisahkan. Begitu juga dari segi nasab, apa yang haram dengan sebab nasab maka ia juga haram dengan sebab susuan.<sup>142</sup> Tetapi dalam hal waris-mewarisi, anak susuan tidak mempunyai apa-apa hak ke atas saudaranya kerana dia bukanlah anak kandung kepada waris susuannya.<sup>143</sup>

#### 2.7.8 *Hikmat Penyusuan Ibu*

Di antara hikmat disebalik penyusuan ibu ialah:

1. Susu ibu dapat membekalkan makanan yang berzat dan sempurna kepada anak. Bahkan susu ibu merupakan satu-satunya cara yang terbaik untuk memenuhi keperluan vitamin dan zat bagi kehidupan bayi. Dan ini membantu ibubapa yang mengambil berat tentang pemakanan seimbang anak-anak mereka.
2. Penyusuan ibu juga dapat mempengaruhi perkembangan fizikal dan keperibadian anak-anak. Di mana sewaktu anak berada di dalam kandungan lagi, ibubapa digalakkan untuk memperbanyakkan amal ibadat termasuklah amalan-amalan sunat. Ini penting demi memastikan

<sup>140</sup> Al-Syawkâni, Mohamad Ibn Ali Ibn Mohammad (1961), *Nail al-Awtâr*, jld. 6, Misr: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 355, Wazir Al-Awqâf, *Al-Fiqh 'Ala' al-Mazâhib al-Arba'ah*, Beirut : Dar al-Fikr, jld.4, cet.5. h. 256.

<sup>141</sup> Al-Son'ani, Muhammad Ibn.Ismail al-Kahlâni, (1182H), *Subul-al-Salâm*, jld. 3, Singapura: al-Haramain, h. 214.

<sup>142</sup> Muhammad Abû Zahrah, (1989), *Al-Ahwâlu Al-Syâkhsîyyah li al- Muslim*, Beirut: Dar al-Fikr, cet 3. h. 91.

<sup>143</sup> Hj.Idris,*Op.cit.*, h. 366.

- anak itu akan lahir berada dalam keadaan soleh dan penuh ketaqwaan. Maka pemberian susu ibu ini merupakan kesinambungan daripada usaha ibubapa untuk membentuk dan melahirkan anak yang berakhhlak mulia serta mempunyai tubuh badan yang sihat.
3. Terdapat perbezaan yang ketara di antara susu ibu dengan susu industri atau formula samada dari segi kandungan zat pemakanan, kebersihan dan harga. Di mana dari segi kandungan zat pemakanan, susu ibu mengandungi zat-zat yang amat berkhasiat yang diperlukan oleh bayi untuk membesar. Ia mengandungi 6 kali lebih banyak protein, 5 kali lebih vitemin A, 12 kali lebih karotena, 7 kali lebih vitamin E dan 3-4 kali lebih antibodi jika dibandingkan dengan kandungan zat yang terdapat di dalam susu formula. Kandungan ini menjadikan susu ibu sebagai senjata bagi melindungi bayi daripada serangan pelbagai jenis penyakit.<sup>144</sup>
  4. Susu ibu juga bertindak sebagai pelalian kepada bayi berbanding dengan susu formula.<sup>145</sup> Mengikut kajian Dr. Derrick Jellife dari Universiti California bahawa 10 juta bayi di negara Dunia Ketiga setiap tahun mendapat serangan penyakit, mengalami pemakanan yang tidak seimbang dan maut kerana susu botol.<sup>146</sup>
  5. Melalui pengamalan susuan ibu hubungan seseorang anak dengan ibunya akan menciptakan hubungan yang hangat dan mesra ketika sentuhan kulit bayi yang baru lahir itu dapat menimbulkan perasaan

<sup>144</sup> T.Bond,Jenny, et. al (1981), *Infant and Child Feeding*, New York: Academic Pres.Inc, h. 49, Ibrahim,G.J (1983), *Nutrition In mother and Child Health*,London: MacMillan Press Ltd, h. 70.

<sup>145</sup> Siti Norjinah Moin, (1995),*Penyusuan Susu Ibu : Khasiat dan Kebaikan*, Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors Sdn.Bhd, h. 45.

<sup>146</sup> Jelliffe, Derrick B, et.al (1978 ),*Human Milk In The Modern World*, New York : Medical Oxford Publications, h. 154.

- yang luar biasa pada diri ibu. Manakala anak –anak yang menyusui ibu akan merasa puas dengan kasih sayang yang diberikan oleh ibu semasa menyusu. Anak akan lebih mengenali ibunya kerana setiap kali menyusu dia akan merenung wajah ibu dan merasa selamat berada di dalam pangkuan ibu. Ibu juga merasa tenang dan tenteram kerana dapat berkongsi kasih sayang sewaktu menyusukan anaknya. Keadaan ini secara tidak langsung memberikan mereka jaminan kasih sayang serta mengeratkan lagi hubungan antara ibu dan anak secara berterusan.<sup>147</sup>
6. Manakala jika ditinjau dari sudut sosio- ekonomi, maka tidak dapat dinafikan lagi bahawa susu ibu tidak melibatkan apa-apa kos dan boleh diberikan kepada anak dalam tempoh anak itu menyusu.<sup>148</sup>
7. Dari perspektif *psikologis*, susu ibu mempunyai keistimewaan yang tidak boleh ditukar ganti dengan sesuatu yang lain terutamanya dari segi hubungan kasih sayang ibu dengan anaknya. Di mana ahli Kesihatan Anak telah mendapati bahwa bayi yang sedang menyusu akan mendengar detuk suara jantung ibunya, yang mana suara detak jantung tersebut akan membuat bayi merasa tenang dan damai. Emosi ini penting disemai dan dieratkan sejak kanak-kanak itu masih bayi.<sup>149</sup>

<sup>147</sup> Al-Najwa, (1993),*Cinta dan Kasih Ibu*, Kuala Lumpur : Sabur Trading, h. 19.

<sup>148</sup> Rafidah Aziz, Senator (1976), Susuan Ibu dari Perspektif SosioEkonomi dan Kesihatan, ( Seminar Kebangsaan, Susuan Ibu dalam Konteks Pemnbangunan ), Kuala Lumpur : Dewan Tunku 'Abdul Rahman, h.2.

<sup>149</sup> *Ibid.*

## 2.8 Berkhatān

### 2.8.1 Pengertian Khatān

Khatān menurut bahasa ialah memotong *qulfah* iaitu kulit yang menutupi kepala kemaluan lelaki.<sup>150</sup> Menurut istilah syara' khatān bererti tanda bulat di bawah *hasfah* iaitu tempat memotong alat kelamin.<sup>151</sup>

Berkhatān adalah salah satu keutamaan agama yang disyariatkan Allah S.W.T kepada hambanya. Berkhatān harus dilakukan semata-mata untuk membersihkan anak. Kemaluan merupakan tempat najis yang harus dibersihkan. Berkhatān telah digariskan oleh Islam melalui sunnah Rasūlullah S.A.W<sup>152</sup> berdasarkan kepada sabdanya :<sup>153</sup>

"الفطرة خمس: الختان والإستحذاذ، وقص الشوارب، وتقليم الأظافر،

وتنف الابط."

Maksudnya :

"Fitrah itu lima perkara: Berkhatān, mencukur bulu yang tumbuh sekeliling kemaluan, menggunting misai, memotong kuku dan mencabut bulu ketiak".

( Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)

Justeru, khatān bagi kanak-kanak lelaki ialah dengan membuang kulit *hasfah*.

Mengkhatān bayi perempuan pula, sebahagian ulama' menyatakan bahawa hukumnya adalah terpuji dan bukannya wajib bahkan ianya adalah *sunat*.<sup>154</sup> Walaupun ada pendapat lain yang menyatakan wajib seperti al- Sha'bī, Rabi'ah,

<sup>150</sup> Abd Allah Nāsiḥ ‘Ulwān, *Op.cit.*, h. 82.

<sup>151</sup> Ibn Qayyim, *Tuhfat Op.cit.*, h. 138

<sup>152</sup> Lihat Jami' Tirmidhzi, *Op.cit.*, no.hadith 1080, Ibn Qayyim, *Op.cit.*, h. 142.

<sup>153</sup> Al-Bukhārī, *Op.cit.*, no.hadith 5891, Muslim, *Op.cit.*, no.hadith 257, Al Baihaqī, *al-Kubrā*, *Op.cit.*, jld.9, h. 310.

<sup>154</sup> Abd Allah Nāsiḥ ‘Ulwān, *Op.cit.*

al-Awza'iyy, Yahyā bin Mālik al-Ansārī, Imām Mālik, Imām Syafī'i, Ibn Qayyim, Imām Ahmad dan Syeikh al-Albānī.<sup>155</sup>

Khatān bagi bayi perempuan menurut pendapat sebahagian besar ahli fiqh adalah hanya dengan membuang seminima mungkin, iaitu dengan memotong sedikit hujung kelentik yang terdapat di bahagian bibir kemaluan bayi perempuan tersebut.<sup>156</sup> Menurut Imām Ahmad<sup>157</sup> bahawa Rasūlullah S.A.W. dalam hadīthnya pernah mengingatkan tukang khatān, iaitu Baginda bersabda kepada Ummu 'Atiyyah ( pengkhatān ) dengan makṣudnya:<sup>158</sup>

“ Rendahkanlah (berkhatān) engkau dan jangan merosakkan kerana berkhatān itu menyerikan muka dan merapatkan lagi hubungan dengan suami”.

( Riwayat Abu'Dawūd dan Ibn Mājah )

### 2.8.2 Amalan Khatān

Khatān merupakan salah satu keutamaan yang merupakan ujian Allah kepada nabi Allah Ibrāhīm a.s. Nabi Allah Ibrāhīm berkhatān pada usia 80 tahun.<sup>159</sup> Beliau mengkhatān Nabi Ismā'il puteranya pada usia 13 tahun dan mengkhatānkan puteranya Nabi Ishaq pada usia 7 tahun. Kemudian amalan beliau ini diikuti pula oleh para nabi dan Rasul setelahnya termasuk Nabi Ṣā'ī a.s.

Begitulah juga dengan junjungan kita Nabi Muhamad turut berkhatān. Ada yang menyatakan beliau dilahirkan di dalam keadaan berkhatān. Ada pula yang menyatakan bahawa baginda dikhatān oleh malaikat Jibrīl a.s. pada masa

<sup>155</sup> Abd Allah Nāsīh 'Ulwān, *Op.cit.*, h. 120.

<sup>156</sup> Al-Albānī, Muhamad Nasr al-Din, ( 1985 ), *Salsilah al-Aḥādīth al-Sahīhat*, jld.2, cet.1. Damsyiq: Maktabah al-Islamiyah, h. 353.

<sup>157</sup> Al-'Asqalānī, *al-Faṭīḥ*, *Op.cit.*, h. 291.

<sup>158</sup> Abu'Dawūd, *Op.cit.*, no. hadith 4586, Ibn Mājah, *Op.cit.*, no. hadith 3466.

<sup>159</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Op.cit.*, h. 138.

membelah dada baginda. Dan ada juga yang menyatakan datuknya ‘Abdul Mutālib yang mengkhatān baginda sesuai dengan kebudayaan orang Arab yang mengkhatānkan anak-anaknya pada hari ke tujuh. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada firmah Allah:

"ئَمْ أُوحِيَنَا إِلَيْكَ أَنْ أَثْبِعَ مِلَةَ أَبْرَاهِيمَ حَتَّىٰ قَاتِلًا"

Maksudnya :

" Kemudian kami wahyukan kepadaamu wahai Muhammad, hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrāhīm yang berdiri teguh di atas jalan yang benar".

( Surah al- Nahl(16):123 )

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah adalah selayaknya jika Allah S.W.T. tidak mengabaikan keutamaan keutamaan tersebut terhadap baginda Rasūlullah S.A.W sebagaimana Allah kurniakan hal tersebut kepada Nabi Ibrāhīm a.s.<sup>160</sup>

### 2.8.3 Waktu Khatān

Mengikut pendapat kebanyakan para ilmuan bahawa seseorang anak itu adalah wajib berkhatan sejurus sebelum dia *baligh*.<sup>161</sup> Terdapat di dalam athar yang juga mengisyaratkan keharusan menangguhkan berkhatān hingga dewasa sebagaimana kelaziman para sahabat mengkhatani anak lelaki mereka ketika dewasa. Ini tidak menyalahi syariat Islam kerana Rasūlullah S.A.W membiarkan mereka di dalam keadaan sedemikian. Ia merupakan petanda atau “*qarīnah*” yang menunjukkan maksud membolehkan *khatān* ditangguhkan.<sup>162</sup>

Walaupun begitu ibu bapa juga digalakkan mengkhatankan anak mereka dalam tempoh mula-mula dia dilahirkan dan menyegerakan berkhatān adalah

<sup>160</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma’ād*, Op.cit., jld.2, h. 48.

<sup>161</sup> *Ibid*.

<sup>162</sup> Lihat al-‘Asqalānī, *al-Fāth*, Op.cit, jld.10, h. 342.

lebih *afdal*.<sup>163</sup> Ini dapat disimpulkan di dalam konteks “*al-Musāra'ah Fi al-Khairāt*”( menyegerakan amalan baik). Ini adalah kerana berkhatan ketika kecil dapat mengurangkan kesakitan manakala berkhatan ketika lebih dewasa pula akan menimbulkan rasa malu berbanding dengan peringkat kanak-kanak disebabkan terbuka aurat. Ianya juga bertujuan agar anak-anak tersebut akan hilang rasa takut dan bimbang dalam menempuh alam keberkhatanan dan sekaligus akan merasa gembira dan selesa kerana mereka telah melalui proses berkhatan. Di antara hadīth yang menggesa berbuat sedemikian ialah hadīth yang *mafhūmnya* diriwayatkan oleh al-Baihaqī daripada Jābir r.a. katanya:<sup>164</sup>

“ Rasūlullah S.A.W. telah melakukan aqiqah serta menghatarkan Hassan dan Husain semasa mereka berdua berumur tujuh hari”.  
(Riwayat al-Baihaqī)

#### 2.8.4 Hiburan Di Majlis Khatān

Mengadakan hiburan sempena di majlis khatān adalah harus menurut pandangan Islam. Ini adalah kerana majlis tersebut dapat melupakan kesakitan berkhatān yang dialami dan sekaligus dapat menyempurnakan maksud yang sebenar sebagaimana ia menjadi amalan dan tradisi para salaf soleh.

Keharusan hiburan ini dapat dilihat daripada Ummu al-Qāmah yang meriwayatkan bahawa anak-anak saudaranya termasuk Āisyah r.a. dikhatāni. Kemudian Āisyah r.a. ditanya, adakah perlu kita mengundang penghibur datang ke majlis ini ? Ketika Āisyah melewati rumah, dia terlihat penghibur lelaki itu mendendangkan nyanyian sambil menggerakkan kepalanya mengikut irama

<sup>163</sup> Abdul Karīm Zaidān, *Mufassal*, Op.cit., jld.9, h. 272.

<sup>164</sup> Al-Samqīti, Muhamad al-Amin bin al-Mukhtar (1898), *Raudhah al-Nazīr*, cet.2. Beirut: Dar al-Fikr, h.195.

gendang kerana terlalu menghayati nyanyian itu. Lalu ‘Aisyah r.a. berkata, “Cis! Mereka itu telah menghalau syaitan dan syaitan itu telah dihalau oleh mereka.”<sup>165</sup>

Walau bagaimanpun, segala bentuk hiburan yang keterlaluan tidak diharuskan. Apatah lagi hiburan yang tidak menepati syariat Islam seperti yang berunsur konsep nyanyian dan kugiran atau mengadakan kenduri besar-besaran dan seumpamanya.

#### 2.8.5 *Walīmah Khatān*

*Walīmah khatān* pada asalnya tidak syariatkan kerana tiada nas yang menyatakan perkara itu sebagaimana seorang sahabat bernama Uthman bin Abu al-‘Ās yang enggan memenuhi undangan ke *walīmah* tersebut. Kisah ini diriwayatkan oleh al-Hassan dengan berkata: “Pada suatu hari Uthman bin al-‘Ās telah diundang ke *walīmah khatān*, tetapi dia enggan memenuhi undangan tersebut. Apabila ditanya mengapa dia tidak berbuat demikian, Uthman menjawab dengan katanya:

“ Bahawa kami tidak pernah mengadakan atau pergi ke walimah khatan pada zaman Rasūlullah S.A.W. dan lagipun Baginda tidak pernah menerima walau satu pun undangan ke walimah tersebut.”<sup>166</sup>

Walau bagaimana pun, berkhatan mengikut hukum syara’ memerlukan dalil samada daripada al-Qurān atau al-Sunnah. Di mana perkataan *walimah* mempunyai pengertian yang cukup luas dan *walimāh khatān* ini merupakan rantingnya.

<sup>165</sup> Al-Haitami, Abi Al-‘Abbas Ahmad Ibn Muhammad Ibn ‘Ali Ibn Hajar al-Makki,( 1987) , *al-Zawājir an Iktirāf al-Khabir*, jld.2, cet.1. Beirut: Dar al-Fikr, h.163.

<sup>166</sup> Al-Bukhāri, *al-Adabul Mufrād*, Op.cit, no.hadith 1247

### 2.8.6 *Hikmat Khatān*

Syariat Islam menyuruh supaya berkhatān kerana ia mempunyai beberapa hikmat dan kelebihan yang tidak dirasakan oleh orang-orang yang tidak berkhatān. Di antara hikmat atau kelebihan berkhatān ialah:

1. Berkhatān adalah asas kepada kebersihan dan merupakan syariat yang perlu dikerjakan.
2. Berkhatān merupakan kemuncak fitrah, syiar Islam dan petunjuk syariat.<sup>167</sup>
3. Dari perspektif kesihatan pula dengan berkhatān dapat menghindari daripada mudah terkena penyakit kencing di waktu malam hari dan juga dapat menghindari dari mudah terkena penyakit jantung, barah<sup>168</sup> dan kanser.<sup>169</sup> Seterusnya ialah faedah dari segi hubungan kelamin dan ianya dapat mengurangi kemungkinan dari diserang penyakit kelamin.
4. Berkhatān dapat menyempurnakan tuntutan syara' yang sesuai dengan sunnah Nabi Ibrāhīm dan sunnah Rasulullah S.A.W. sebagai usaha ke arah kebersihan diri untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T.
5. Sering digunakan sebagai perbezaan antara orang Islam dengan penganut agama lain. Meskipun pada zaman ini ramai di kalangan orang bukan Islam yang turut berkhatān.

<sup>167</sup> Hassan Mohd Ali ( 1997), *Kehamilan dan kelahiran dalam pandangan Islam*, cet.1.Kuala Lumpur: Era Visi Sdh. Bhd, h .62.

<sup>168</sup> Al - Qabbani, Dr.Sabri, ( 1998),*Hayatuna al-Jinsiah*, cet.2. al-Mesr: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, h. 35.

<sup>169</sup> Anisah Abdul Ghani (1994), *Hukum berkhitan*, Jurnal Syariah, bil. 2, Falkulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya, Julai, h. 67.

Justeru, Allah tidak menciptakan syariatNya di muka bumi ini dengan sia-sia. Begitulah juga berkhatan adalah suatu keutamaaan agama yang disyariatkan Allah kepada hambanya. Di mana setiap syariat yang ditentukanNya itu mempunyai banyak rahsia dan kelebihan yang manusia perlu menerokainya.

## 2.9 Bertindik

Mengikut pendapat yang *rājīh* menebuk telinga atau bertindik anak perempuan adalah harus berdasarkan kepada *riwāyat Imām Ahmad*<sup>170</sup> dan makruh untuk lelaki.<sup>171</sup> Ini adalah kerana :

1. Kanak-kanak perempuan memerlukan perhiasan. Bertindik merupakan salah satu alat perhiasan untuknya.<sup>172</sup> Ianya tidak seperti kanak-kanak lelaki yang tidak berhajat kepada amalan sedemikian.
2. Menebuk telinga pada kanak-kanak perempuan tidaklah mengubah kepada kejadian Allah kepada manusia bahkan juga tidak membawa apa-apa kemudarat. Di tambahkan lagi luka yang dihadapinya adalah sedikit.
3. Tiada nas yang kuat menunjukkan tegahan kepada amalan bertindik.

<sup>170</sup> Ibn Qayyim, *Tuhfat Op.cit.*, h. 28.

<sup>171</sup> Khātib Syarbīnī, *Mughi al-Mughtaj Ila Ma'arifat al-Alfaz al-Minhaj*, jld.1, cet.2. al-Misr: Maktabah al-Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 394.

<sup>172</sup> Al-Jawzī, Abdul Rahman Ibn Ali, (1985), *Aḥkāmu al-Nisā'*, cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 10.

4. Dalam satu riwāyat Rasūlullah S.A.W. mengalakkan perempuan bersedekah walaupun terpaksa membuang subang-subang mereka.<sup>173</sup>

Walaupun di sana terdapat beberapa pandangan yang mengatakan ianya adalah ditegah oleh syara'.<sup>174</sup>

---

<sup>173</sup> Al-'Asqalānī, *al-Fath*, *Op.cit.*, h. 331, Al Mañawi, Muhammad Abdul Ra'uf ( 1889), *Fidhul al-Qadir Syarah Jāmi al-Saghīr*, jld.6,cet.1. al-Mesr: Maktabah al-Tijarah al-Kubra, h. 104.

<sup>174</sup> *Ibid.*